

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 125 ● 23 - 29 JULAI 2021 ● PP19441/12/2018 (035014) SEBARAN UMUM

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Rumah Prihatin sumbangan holistik

BERPUSAT dan dikoordinasi, semestinya bantuan yang disumbangkan kerajaan, badan korporat mahupun pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta persendirian mudah disalurkan kepada golongan sasar secara holistik.

Malah, RumahPrihatin@GrandSeasons yang kini dijadikan markas bagi menempatkan keenam-enam elemen utama bantuan kepada warga Wilayah Persekutuan bukan hanya beroperasi dengan lancar seperti menerima matlamat penubuhannya, tetapi turut membuka peluang kepada golongan muda menambah pengetahuan menerusi penubuhan Sukarelawan

Prihatin (PriVo).

Segelintir masyarakat juga berpandangan supaya kerajaan negeri menjadikan penubuhan hotel kebajikan itu sebagai model sekali gus membantu memperkasakan rakyat Malaysia.

BERITA LANJUT
DI MUKA 2 & 3



Lebih efisien, peluang keluarga beri penghormatan terakhir

PSPJ mudahkan pengurusan jenazah

DARI MUKA DEPAN

PUSAT Pengurusan Krisis COVID-19 (CCMC) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menubuhkan pasukan pengurusan jenazah bersepadu yang melibatkan 15 agensi.

Pengerusinya yang juga Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, menerusi Pusat Sehenti Pengurusan Jenazah (PSPJ) itu, keseluruhan keperluan dalam pengurusan jenazah akan disediakan.

"PSPJ ini yang akan menyediakan kemudahan memeriksa, mengurus, menyimpan dan mengkembalikan mayat di Kuala Lumpur.

"Melalui PSPJ, jenazah COVID-19 dan bukan COVID-19 (akan) diurus secara lebih efisien, dipengerusikan bersama oleh HKL (Hospital Kuala Lumpur) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)," ciapnya dalam laman Twitter.

Beliau berkata, pihaknya juga akan membentuk pasukan petugas khusus dengan menggabungkan 15 agensi berkaitan.

"Task force" ini akan berpusat di HKL dan menggunakan Kompleks Institusi Sukan Negara (ISN) (Stadium TPCA). Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan pihak rumah ibadat berkaitan menjadi ahliinya.

"Jenazah Islam disemadikan di Perkuburan Taman Selaseh dan bukan Islam menggunakan krematorium DBKL di Cheras. PSPJ itu nanti akan mengutamakan kebijakan keluarga dan memberi peluang kepada keluarga untuk memberikan penghormatan terakhir," katanya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, prosedur operasi standard (SOP) yang sesuai untuk keluarga dan ruang solat jenazah



PSPJ yang disediakan membuka peluang ahli keluarga pesakit COVID-19 memberi penghormatan terakhir.

turut disediakan di samping menambah kira-kira 10 buah kontena sebagai persediaan jika berlaku lonjakan kes kematian.

PENGALAMAN BAHRU

Sementara itu, salah seorang sukarelawan yang terlibat dalam PSPJ, **Muhammad Ridzuwan Shahul Hamid**, 30, berkata, dia sangat gembira kerana berpeluang menyertai pasukan berkenaan kerana dapat cuba bidang baharu selain menimba pengalaman mengendalikan jenazah wabak.

Katanya, walaupun pengorbanan itu mendapat halangan daripada ibu tercinta, namun dia tetap kuatkan semangat untuk membantu masyarakat yang memerlukan tanpa rasa sebarang kekesalan.



MUHAMMAD RIDZUWAN

"Mak juga adalah bekas pesakit COVID-19, sebab itu dia halang saya menyertainya. Selepas dijelaskan hasrat untuk menyertai pasukan sukarelawan, mak beri restu walaupun terpaksa.

"Di sini, saya dapat belajar cara uruskan jenazah COVID-19. Ia perlu dilakukan dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat termasuk pemakaian alat pelindungan diri (PPE) sebanyak dua lapis," jelas anak kedua daripada tiga beradik itu.

Dia yang juga salah seorang ikon belia sayangi haiwan turut mengucapkan terima kasih kepada Menteri Wilayah Persekutuan kerana menyediakan platform untuk anak muda berbakti kepada masyarakat. **WK**

Rumah Prihatin: Kepakaran kakitangan Hotel Pulse Grande Putrajaya bantu operasi

NAZWIN NAZRI

KEPAKARAN dalam bidang perhotelan membolehkan Rumah Prihatin@GrandSeasons yang dilihamkan Menteri Wilayah Persekutuan dikendalikan dengan sebaiknya oleh pasukan Hotel Pulse Grande Putrajaya.

Pengurus Besarnya yang juga Pengarah Hospitaliti Rumah Prihatin, **Wan Mohd Azhar Wan Ahmad Shuky** berkata, seramai 50 kakitangan Hotel Pulse Grande Putrajaya dibawa untuk melancarkan pengoperasian Prihatin.



MOHD AZHAR

dan ruang yang akan diguna pakai bagi keenam-enam bantuan di sini," katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Menurutnya, terdapat beberapa penambahbaikan dilakukan berikutnya hotel yang dijadikan markas penyeluran bantuan di Kuala Lumpur itu sudah tidak digunakan selama dua tahun.

Ujarnya, beberapa peralatan dan mesin terpaksa dipinjam dari Hotel Pulse Grande Putrajaya manakala setengahnya diperoleh daripada pihak luar antaranya kain dan penyapu.

Katanya, sumbangan tunai yang diterima pula akan digunakan untuk membeli keperluan yang tidak lengkap seperti bahan pencuci.

Berkata lanjut, dia memberitahu, dengan kekuatan yang ada di samping penyertaan pasukan Sukarelawan Prihatin (PriVo), proses persiapan yang dilakukan



KEPAKARAN kakitangan Hotel Pulse Grande dikongsikan kepada Sukarelawan Prihatin bagi membolehkan operasi Rumah Prihatin@GrandSeasons berjalan lancar.

berjalan lancar sekali gus menjadikan Rumah Prihatin sebagai lokasi selesa untuk kumpulan sasar.

"Kita latih sukarelawan dengan teknik yang betul seperti penggunaan barang yang bersesuaian dan cara untuk membersihkan bilik penginapan dengan cepat. Pertamanya, kita buat dari sudut perancangan yang berdasarkan strategi.

"Sukarelawan yang mempun-

yai latar belakang berkaitan aspek diperlukan akan diserap terus kerana ia dapat memudah dan mempercepatkan proses persiapan," katanya.

Wan Mohd Azhar menambah, setiap sukarelawan akan didekah dengan keseluruhan pengoperasian hotel sekali gus memberi pengalaman baharu kepada mereka khususnya dalam industri perhotelan. **WK**

Apa kata mereka



"TERIMA Kasih KWP di atas pelaksanaan Rumah Prihatin@Grand seasons bagi membantu warga Wilayah Persekutuan termasuk petugas barisan hadapan yang terkesan dengan pandemik COVID-19 melalui bantuan seperti khidmat kesihatan Mental Prihatin yang memberikan khidmat kaunseling kepada individu atau keluarga yang memerlukan sokongan emosi.

Ia wajar diteruskan sehingga tahap kesihatan mental rakyat dinegara ini kembali pulih dalam waktu pandemik."

NORAZLING MD SOM, 35,
Suri Rumah



"SAYA ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada KWP kerana mengambil langkah terbaik dengan menyediakan kemudahan yang dapat membantu golongan memerlukan untuk mendapatkan inisiatif Rumah Prihatin@Grand Seasons seperti Khidmat Vaksinasi Prihatin, Bilik Penginapan Prihatin dan sebagainya yang semestinya memberi nafas lega dan mengurangkan permasalahan yang dialami masyarakat di waktu pandemik."

FAROUK MOHD NOOR, 43
Pengerusi MPP Sub Zon 5 Bandar Tun Razak



"DENGAN bayaran RM30, warga WP dapat menenangkan fikiran seketika terutama bagi keluarga yang terpaksa berhimpit dan berkumpul dengan kapasiti rumah yang penuh.

Saya rasa inisiatif ini perlu disambut oleh hotel bertaraf tinggi di Kuala Lumpur memandangkan ketika ini sukar untuk menerima pelancong."

ROBIAH ABD RANI, 37,
Ketua Puteri UMNO Bahagian Bukit Bintang/Setiausaha MPPWP Parlimen Bukit Bintang



"RUMAH Prihatin@Grand Seasons sangat membantu pada masa ini kerana ia memberi kemudahan pada golongan sasaran dengan lebih tepat, cepat dan mudah serta sebagai pekerja YWP, inisiatif ini telah mempercepatkan pemberian vaksinasi kepada masyarakat dengan menyasarkan golongan yang tidak mempunyai temu janji vaksinasi."

NUR NATASYA SYAZWANI ABDUL MUSHAWAL, 22,
Pembantu Tadbir (Pembantu Khidmat Pelanggan)



"KHIDMAT Vaksinasi Prihatin yang menyasarkan golongan penjaja memberi kelegaan kepada kami untuk memperoleh vaksin dengan kadar segera memandangkan para peniaga terdedah dengan risiko kebolehjangkitan COVID-19."

MOHAMED HALIM MOHAMED IDRIS, 53,
Peniaga

Sajian tetap berkualiti dan bertaraf hotel lima bintang

Bukan untuk keuntungan - Chef Hairy

DARI MUKA DEPAN

NAZWIN NAZRI

“WALAUPUN bukan bertujuan keuntungan, tetapi hidangan yang disediakan tetap berkualiti dan bermutu tinggi sebagaimana hidangan kepada pelanggan hotel,” kata Chef Eksekutif Pulse Grande Putrajaya, **Hairy Ismail A Rahman**.

Beliau yang kini mengetuai pasukan chef di Dapur Prihatin, R u m a h P r i h a t i n @ GrandSeasons berkata, sebelum pandemik melanda dunia, tugas chef hotel adalah untuk mencari keuntungan.

Justeru, ujarnya, perasaan gembira dan teruja menguasai diri selepas dirinya diberi peluang untuk berkhidmat di Dapur Prihatin.

“Tetamu bayar, jadi kita kena puaskan hati tetamu yang hadir di hotel. Apabila diberi peluang



HAIRY ISMAIL



untuk berkhidmat di sini (Dapur Prihatin), suasana yang dirasai amat berbeza kerana saya perlu sediakan makanan untuk orang yang sangat memerlukan.

“Sebelum ini, saya kira berapa kos dan berapa keuntungan yang boleh diperoleh. Sekarang tidak ada, hanya kira kos sahaja dan lebih kepada membantu orang dan bersifat kebajikan.

“Paling utama adalah, saya suka dengan perkara kebajikan ini kerana kalau dilihat dari segi kewangan, saya tidak semampu orang lain yang berpeluang menghulurkan sumbangan. Saya hanya dapat sedekah kepada masjid sahaja,” ceritanya gembira.

Menurut Hairy Ismail lagi, pada



CHEF dari Hotel Pulse Grande menyemai bakti di Dapur Prihatin, pastikan sajian berkualiti tinggi dan sesuai citarasa Malaysia.

masa ini, pengalaman yang digarap lebih 12 tahun amat bermakna kerana setiap hari perlu menyediakan kira-kira 1,000 paket hidangan untuk petugas barisan hadapan serta golongan memerlukan termasuk gelandangan.

Ujarnya yang pernah menyer-

tai pasukan khas mempromosikan masakan Malaysia ke beberapa negara seperti Argentina, Brazil, China dan Maldives, hidangan di Dapur Prihatin perlu lebih kreatif dan dipelbagaikan.

Katanya, selari dengan citarasa Malaysia yang makanan

rujinya adalah nasi, sajian turut disertakan dengan protein dan sayuran.

Malah, ujarnya, nasi juga dipelbagaikan pada setiap hari Jumaat seperti nasi ayam mahu-

pun nasi briayani.

“Di sini (Dapur Prihatin) pasukan kita turut dibantu Sukarelawan Prihatin (PriVo) kerana hanya enam orang sahaja staf daripada Hotel Pulse Grande Putrajaya.

“Waktu penyediaan memasak bermula pukul 5 pagi dan siap dibungkus pada pukul 6.30 pagi oleh PriVo,” katanya yang turut menepak semangat kesukarelawan ke dalam diri stafnya di samping membimbing pasukan PriVo.

Dalam pada itu, Hairy Ismail mengucapkan syukur kerana sepanjang tempoh bersama Dapur Prihatin, dia mempunyai banyak masa bersama keluarga berbanding ketika bertugas di hotel. **WK**

DapurPrihatin@GrandSeasons sumbang 1,500 paket makanan

DAPUR Prihatin menyumbangkan kira-kira 1,500 paket makanan bermasak untuk petugas barisan hadapan terutama di tiga buah hospital yang menguruskan pesakit-pesakit COVID-19.

Pengarah RumahPrihatin@ GrandSeason, **Datuk Seri Dr Junaidi Abu Bakar** berkata, inisiatif berkenaan adalah sebagai menghargai pengorbanan yang diberikan pasukan petugas barisan hadapan terutama di hospital yang merawat pesakit COVID-19 di Lembah Klang.

“Mereka mengucapkan terima kasih dan penghargaan yang tinggi atas sumbangan tersebut dan semoga ia boleh membantu frontliners dan kakitangan di HSB (Hospital Sungai Buloh).

“Mereka sangat menghargai sumbangan ini terutama pada Hari Raya Aidiladha dan dapat berkongsi kegembiraan ini selain ia dapat meringankan beban petugas kesihatan.



MOHD RIZAL

“Program sumbangan ini merupakan idea dan arahan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa yang menghargai pengorbanan petugas kesihatan selama ini. “ katanya kepada Wilayahku selepas menyerahkan kira-kira 500 paket makanan bermasak di Hospital Sungai Buloh pada Selasa.

Rombongan tersebut diketuai Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Datuk Zaizalnizam Zainun dan Sukarelawan Prihatin (PriVo) turut menyertai program tersebut.

Junaidi berkata, Dapur Prihatin



JUNAIDI (kanan) dan Zaizalnizam (tengah) menyerahkan sumbangan paket makanan bermasak sempena sambutan Hari Raya Aidil Adha kepada Timbalan Pengarah Pengurusan Hospital Sungai Buloh, Mohd Rizal Abdullah

turut menyerahkan sumbangan 500 paket makanan untuk Hospital Kuala Lumpur pada Rabu, 21 Julai 2021 dan Hospital Bersepadu Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) pada Khamis, 22 Julai 2021.

Kata Junaidi lagi, beliau juga menawarkan kepada kakitangan hospital untuk menginap di Bilik Penginapan Prihatin yang turut disediakan di RumahPrihatin@GrandSeason.

“Saya juga mengalu-alukan penjaga atau waris kepada pesakit COVID-19 yang sedang dirawat di HSB untuk datang ke Rumah Prihatin sekiranya tidak ada tempat penginapan dan sebanyak 300 bilik telah disediakan.

“Walaupun berada di Selangor, ja-

rak perjalanan adalah lebih kurang 20 hingga 30 minit dan kita mengalu-alukan kehadiran mereka kerana di sini dan ia terbuka kepada sesiapa sahaja,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Pengurusan HSB, **Mohd Rizal Abdullah** menzahirkan kesyukuran dan berterima kasih kerana DapurPrihatin sudi memberikan sumbangan kepada petugas-petugas ini.

“Kami gembira kerana ia menunjukkan keprihatinan daripada pihak Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa yang menghargai pengorbanan petugas kesihatan di hospital ini.

“Sumbangan makanan ini akan diagihkan di Jabatan Kesihatan, Unit Rawatan Rapi serta di semua wad-wad yang menempatkan petugas ini,” katanya. **WK**


D’Prihatin Cafe bantu jana pendapatan Rumah Prihatin

menjana pendapatan tambahan kepada Rumah Prihatin.

“Hasil berkenaan akan disalurkan kepada Yayasan Wilayah Persekutuan untuk dijadikan sumbangan kepada pihak lain.

“Kita sediakan kopi daripada Italian Premium Coffee yang mana rasanya setanding produk kopi terkemuka. Dengan cara ini, jenama *D’Prihatin Coffee* dapat diketengahkan,” katanya.

Tambahnya, makanan ringan yang dijual seperti kek dan sandwich dihasilkan di Dapur Prihatin. **WK**



D’PRIHATIN CAFE yang mula beroperasi 22 Julai membolehkan tetamu yang hadir ke Rumah Prihatin mendapatkan kudapan serta minuman.

Tiada pemberian vaksin secara walk-in: DBKL

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak menawarkan pemberian vaksin secara 'walk in' di Hotel Grand Seasons seperti tersebar di aplikasi WhatsApp baru-baru ini.

Unit Media DBKL menerusi kemas kini di Facebook berkata, pihaknya meminta orang awam berhenti menyebarkan maklumat tidak tepat itu.

Menurut kenyataan itu, program yang berlangsung pada 15 hingga 18 Julai itu hanya tertumpu untuk golongan sasaran sahaja.

"Pemberian vaksin pada tarikh tersebut dibuka kepada golongan gelandangan, orang kelainan upaya (OKU), peniaga dan penjaja serta

komuniti berdekatan sahaja," menurut kenyataan itu pada Jumaat.

Katanya, pendaftaran itu dibuat melalui hotline Rumah Prihatin@Grand Seasons di talian 011-7110 7898 (WhatsApp) dan bukannya secara 'walk in' seperti didakwa.

Sebelum ini tular sebaran mesej memaklumkan orang awam yang belum menerima vaksin dipelawa ke Hotel Grand Seasons untuk mengambil vaksin secara terus pada 15 hingga 21 Julai anjuran DBKL. **WK**

BERITA tidak benar berkenaan pemberian vaksin secara 'walk-in' di DBKL disebarluaskan menerusi Aplikasi WhatsApp sehingga menimbulkan kekacauan.



Fasa 1 tiada Pasar Pagi... DBKL jawab Teresa Kok

DEWN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjelaskan pembukaan pasar pagi terbuka di kawasan pentadbirannya adalah tidak dibenarkan berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Pihak berkuasa tempatan itu menjelaskan Pusat Penyelaras dan Pengurusan Covid-19 (CCMC) Wilayah Persekutuan mengarahkan penutupan operasi pasar pagi terbu-

ka dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) selaras tatacara yang masih belum membenarkan pasar pagi terbuka ketika ini.

"Dalam Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN), SOP MKN belum membenarkan pasar tani dan pasar pagi terbuka beroperasi," katanya menjawab kenyataan Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok.

Beliau sebelum ini menggesa Menteri Wilayah Persekutuan,

Tan Sri TPr Annuar Musa, melihat keadaan perniagaan kecil di pasar pagi yang ditutup walaupun pengudaraan lebih baik berbanding pasar berbangunan dan pusat penjaja.

Beliau tidak berpuas hati kerana pematuhan SOP di pasar pagi terbuka boleh dijaga dengan kehadiran pasukan Rela seperti sebelum ini. Pasar pagi di Kuala Lumpur ditutup sejak 1 Jun. **WK**

Ops Patuh DBKL: 359 premis diperiksa, 11 diarah tutup dalam tempoh seminggu

SEBANYAK 11 tindakan penutupan premis dilakukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam tempoh tersebut.

DBKL dalam satu kenyataan di Facebooknya berkata, melalui Ops Patuh ini, sebanyak 359 buah premis atau syarikat telah diperiksa.

"Pemeriksaan dilakukan melibatkan aktiviti perniagaan restoran, kedai runcit, pasar raya, kedai barang am dan

lain-lain aktiviti yang dibenarkan beroperasi dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) menerusi pematuhan Akta 342, Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan kesalan lain di bawah akta dan peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan DBKL.

"Sebanyak 16 notis kom-

paun telah dikeluarkan menerusi Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dengan pelbagai kesalan terhadap pemilik premis atau syarikat yang ingkar pematuhan prosedur operasi standard (SOP) PPN yang ditetapkan pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN)," katanya. **WK**

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@ayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri
winwilayahku@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zamby
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Rosidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Wong Siew Mun
wongsiew.mun@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com

Syahidi Bakar

diwilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annar
affandywilayahku@gmail.com
Mohd Fadly Bharudin
fadlybharudin@gmail.com
Taufik Mohd Pauze
kikkywilayahku@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan
nazirulwilayahku@gmail.com
Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Azly Fariq Ramly
azlyfariq@ayasanwp.org.my

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
zuhairi@ayasanwp.org.my
V Kumar Veeran
veeran1010@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@ayasanwp.org.my
Jumaitul Laili Zakiah Ismail
jumaitul@ayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm868@gmail.com

PELATIH INDUSTRI

Nur Sabrina Akmal Mohammad Sabre
Nur Hazirah Mohamed Halim
Diana Syuhada Mohd Amir
Muhammad Adib Zailani



Jaga dan sayangi lif anda!

LIF rosak sehingga menyusahkan penghuni bukan isu baru di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Memandangkan kawasan perumahan seperti ini banyak di Kuala Lumpur, bererti masalah kerap berlaku di beberapa tempat.

Antara yang terbaru dilaporkan melalui akhbar ialah kerosakan lif di Perumahan Awam Desa Rejang, Setapak. Penduduk dikatakan kesal dan kecewa kerana kerap berlaku gangguan perkhidmatan lif di 12 blok perumahan di situ sejak dua tahun lalu.

Pihak persatuan penduduk juga telah bertemu dengan Datuk Bandar, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berhubung isu tersebut dan difahamkan beliau telah meluluskan peruntukan bagi kerja-kerja membaik pulih. Bagaimana pun sehingga kini kerja-kerja pembaikan belum dijalankan sehingga penduduk terus menghadapi masalah.

Untuk rekod, setiap blok perumahan tersebut mengandungi antara 16 hingga 19 tingkat. Setiap tingkat mempunyai antara 12 hingga 16 unit rumah, dengan tiga atau empat lif disediakan.

Menurut penduduk, kebanyakan lif tidak tidak boleh digunakan dan mereka terpaksa berebut menggunakan lif yang masih berfungsi. Keadaan ini amat menyusahkan kerana penduduk terpaksa bersesak mengakibatkan penjarakan sosial tidak dapat dipatuhi.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, yang sentiasa prihatin dengan masalah warga Wilayah Persekutuan, difahamkan telah merujuk masalah tersebut kepada DBKL untuk tindakan lanjut.

Memang dapat difahami masalah yang dihadapi oleh penduduk Perumahan Awam Rejang yang sebelum ini diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dari 18 Jun ke 1 Julai.

Namun masalah seperti ini sebenarnya bukan sahaja dihadapi oleh penduduk PA Desa Rejang. Seperti yang disebutkan, kerosakan lif memang kerap berlaku di kawasan PPR dan PA sehingga menimbulkan persoalan kenapa kerosakan sering berlaku di kawasan kiediaman ini?

Jarang sekali kita mendengar berlaku kerosakan lif di kawasan-kawasan kiediaman seperti kondominium atau pangaspuri. Lifnya lebih kurang sama sahaja tetapi sentiasa berfungsi. Jadi adakah ia lebih menggambarkan sikap para pengguna lif itu sendiri?

Memang menjadi tanggungjawab DBKL memperbaiki lif rosak di PPR dan PA. Tetapi para penghuni juga mesti sama-sama bertanggungjawab manjaga lif agar sentiasa dalam keadaan elok dan boleh digunakan, selain menjaga kebersihannya.

Ada laporan mengenai lif yang kerap rosak di PPR atau PA walau sudah berkali-kali disenggara oleh pihak DBKL. Bagaimana ini boleh berlaku? Jika rosak dibetulkan dan selepas itu rosak berterusan, pastilah DBKL pun 'letih'.

Lif di perumahan DBKL adalah harta awam yang perlu dijaga bersama-sama dengan baik kerana ia adalah harta awam, untuk kegunaan semua orang. Jika berterusan rosak, seolah-olah penduduk sendiri tidak menjaga dan tidak cermat menggunakan lif.

Mereka mengharapkan apabila rosak diperbaiki. Perlu diingat DBKL juga ada bekangan kerana banyaknya jumlah PPR dan PA di ibu negara. Jika kerosakan berlaku serentak di banyak tempat, tentulah akan mengambil masa untuk diperbaiki. Tentulah lebih mengecewakan jika sudah diperbaiki rosak semula dalam tempoh singkat.

Sering dipapar dalam akhbar bagaimana lif di kawasan PPR dan PA kerap menjadi mangsa *vandalism*. Ada tangan nakal menconteng macam-macam di dalam lif. Ada pula yang membuang sampah, malah kotoran. Malah ada yang mencungkil papan kekunci lif dan mencabut wayar. Tentu sahaja akibatnya lif rosak.

Perbuatan tidak bertanggungjawab ini hanya menyusahkan para penghuni sendiri. Mungkin hanya segelintir terlibat dalam perbuatan tidak elok ini. Tetapi akibatnya ditanggung oleh semua orang.

Menjadi tugas DBKL memperbaiki apabila lif rosak, tetapi penduduk juga bertanggungjawab menjaganya. Hentikan *vandalism* dan jaga kebersihan lif agar sentiasa selesa digunakan. InsyaAllah jika dijaga dengan baik lif akan tahan lama dan tidak perlu diperbaiki selalu.

Jangan beranggapan kerana lif itu harta awam maka boleh dibuat sesuka hati. Anggaplah ia seperti harta sendiri yang perlu dijaga dan disayangi. Fikirkan kesahannya kepada orang ramai jika lif rosak. Bayangkan kesahan yang bakal ditanggung jika berlaku kecemasan tetapi lif tidak berfungsi untuk turun dan naik. Hanya jika berlaku sahaja baru hendak sedar?



PROGRAM VAKSINASI BERGERAK

MY Medic@Wilayah 9.00 PAGI - 4.00 PETANG

22 - 24 Julai 2021

DOS 1



Dataran PPR Kerinchi

- **PPR Kerinchi**
- **PA Kerinchi 1A**

Dataran PPR Kg. Baru Air Panas

Dewan Serbaguna Taman Melati Impian

- **PA Seri Tioman 1**
- **PA Seri Tioman 2**
- **PA Seri Langkawi 1**
- **PA Seri Langkawi 2**
- **PA Gombak Fasa 2**

Pantai Eco Park

- **PPR Seri Pantai**
- **PPR Kg. Limau**
- **PPR Kg. Datuk Tatah**

23 - 25 Julai 2021

DOS 2



Dewan PPR Wahyu

- **PPR Wahyu**
- **PPR Pekan Batu**

Dataran PA Seri Kota

- **PA Seri Kota**
- **PPR Taman Mulia**
- **PA Seri Labuan**

Tapak Parkir PA Seri Sarawak

- **PA Seri Sarawak**
- **PA Loke Yew**
- **PA Seri Selangor**
- **PA Jalan Hang Tuah**

DIBUKA KEPADA:

- Hanya penduduk di PPR/PA DBKL sahaja
- Keutamaan kepada warga emas dan OKU di PPR/PA DBKL tersebut
- Tidak mempunyai temujanji di mana-mana PPV
- Telah berdaftar melalui MPPWP/Persatuan Penduduk
- Berjaya mendapat slot temujanji dalam aplikasi MySejahtera
- **Walk-in** tidak dibenarkan

*Sebarang perubahan akan dimaklumkan melalui MPPWP/Persatuan Penduduk



DATUK DR BUDIMAN MOHD ZOHDI

SEJAK 1965, tahun di mana Presiden Lyndon Johnson mengisyiharkan perang ke atas kemiskinan sehingga sekarang, kerajaan Amerika Syarikat telah membelanjakan kira-kira AS\$26 trilion atau RM109 trilion mengikut nilai wang masa kini, bagi tujuan tersebut.

Seiring dengan itu beratus-ratus, malah mungkin beribu program telah dilancarkan bagi memastikan negara Uncle Sam itu bebas daripada kemiskinan.

Tetapi apakah hasilnya? Pejabat Penolong Setiausaha Perancangan dan Penilaian Amerika Syarikat dalam satu analisisnya mengenai trend kemiskinan di negara itu memetik laporan Biro Perangkaan, sebuah agensi kerajaan yang menyatakan kira-kira 40 juta atau 12.3 peratus penduduk negara itu berada dalam kategori miskin pada tahun 2017.

Ertinya lepas 56 tahun berlalu, dan setelah sekian banyak wang, masa serta tenaga dihabiskan, musuh yang diperangi masih tetap tidak dapat ditumpaskan.

Saya sengaja memilih Amerika Syarikat sebagai contoh kerana ia sebuah negara yang bukan sahaja kaya tetapi juga diiktiraf oleh kebanyakan pihak sebagai kuasa dunia.

Jika ia, dengan segala kekuatannya, tidak mampu memerangi perang melawan musuh utama kesejahteraan itu, bagaimakah dengan negara-negara lain, khususnya negara yang berstatus sedang membangun?

Di seluruh dunia, perang melawan kemiskinan berlaku secara berterusan.

Hatta di Burundi, negara termiskin di dunia, dengan 65 peratus daripada 11.5 juta penduduknya hidup di bawah paras kemiskinan, berusaha keras untuk memerangi musuh yang satu itu.

Antaranya dengan melancarkan Wawasan 2025 yang menyasarkan kadar kemiskinan di negara itu dapat dikurangkan 33 peratus pada tahun tersebut.

Jadi, sama ada negara kaya atau negara miskin, kesemuanya berkongsi satu perkara; bahawa kemiskinan adalah musuh yang bukan sahaja mesti diperangi, tetapi harus dikalahkan.

“Walau bagaimanapun selain daripada faktor yang berada di luar kawalan manusia, usaha membasmi kemiskinan juga sering gagal sebab ‘digagalkan’ oleh dasar-dasar yang menjadi pemangkin kepada usaha itu sendiri.”

Negara kita juga tidak terkecuali.

Pelbagai dasar dan program, pelbagai kaedah dan pendekatan, telah dan dilakukan sejak lebih 60 tahun dahulu. Kita tidak gagal.

Kadar kemiskinan negara yang melebihi 60 peratus pada tahun 1957 berjaya diturunkan sehingga mencapai 5.6 peratus pada 2019.

Tetapi seperti negara-negara lain, malah seperti dunia itu sendiri, kita tidak tahu bila akan berupaya mengisyiharkan kemenangan dalam perang melawan kemiskinan. Maksud saya kemenangan mutlak.

Banyak perkara yang mempengaruhi statistik kemiskinan dan ia selalunya berubah dari semasa ke semasa.

Antaranya termasuklah perang, bencana alam, pergerakan ekonomi dan lain-lain lagi.

Contoh terdekat berada di depan mata kita sekarang. Pandemik COVID-19 mendatangkan kesan besar terhadap ekonomi sehingga mendorong Bank Dunia menjangkakan sekitar 150 juta orang akan menjadi ‘orang miskin baharu’ bagi menambah bilangan orang miskin sedia ada yang jumlahnya pada tahun ini dianggarkan 689 juta.

Di Malaysia, COVID-19 menyebabkan kadar kemiskinan 5.6 peratus pada 2019 itu melonjak kepada 8.4 peratus pada tahun lepas.

Jumlah itu dijangka meningkat lagi jika pandemik berterusan seperti sekarang.

Walau bagaimanapun selain daripada faktor yang berada di luar kawalan manusia, usaha membasmi kemiskinan juga sering gagal sebab ‘digagalkan’ oleh dasar-dasar yang menjadi pemangkin kepada usaha itu sendiri.

Tidak hanya itu, ia juga turut dikecundangkan oleh dasar-dasar lain yang didukung oleh sesbuah negara.

Hal ini dipersetujui oleh kebanyakan ahli ekonomi dan para cendekia lain di bidang berkaitan.



FELDA adalah kisah kejayaan Malaysia melawan kemiskinan yang dicontohi oleh negara-negara membangun lain di seluruh dunia.

Mereka melihat kebanyakan dasar-dasar kerajaan menjadi sebahagian daripada penyebab utama kenapa kemiskinan begitu payah hendak dikalahkan.

Contoh paling mudah, dan paling klise adalah dasar pembangunan bandar. Tujuannya murni.

Membangunkan negara melalui pembangunan perbandaran yang mapan, atau apa sahaja istilah muluk lainnya, adalah yang sangat baik.

Prasarana dibina, bandar dibangunkan, segala kemudahan disediakan. Ekonomi berkembang, peluang perniagaan melimpah, peluang pekerjaan bertambah.

Namun sewaktu merencana dan melaksanakan apa yang direncanakan itu, perkara yang jarang dipedulikan ialah bagaimana nasib golongan miskin, yang akan turut tertarik untuk menjadi penghuni bandar itu nanti.

Memadaikah setakat menyediakan peluang pekerjaan atau kediaman sempit untuk mereka? Bagaimana dengan kemudahan lain?

Bagaimana dengan kos sara hidup yang harus mereka tumpang?

Cukupkah dengan memasukkan mereka dalam senarai penerima bantuan? Dan kalau ya, sampai bila?

Dasar-dasar untuk membasmi kemiskinan, yang di dalamnya termasuk juga segala bentuk bantuan dan sumbangan, sering gagal mencapai matlamatnya kerana ia seringkali digerakkan tanpa pemahaman secara total terhadap makna kemiskinan.

Dengan perkataan lain ia adalah dasar yang tidak mendasari akar umbi masalah.

pandai berjimat, peluang untuk mereka menjadi miskin sangatlah kecil.

Tetapi puak liberal dan kumpulan lain yang lebih kritis tidak berpandangan sedemikian. Mereka cenderung menyalahkan komuniti, persekitaran, malah pemerintah.

Diskriminasi ras, diskriminasi jantina, agihan ekonomi tidak adil, sistem pendidikan, korupsi, ketirisan dan seribu satu lagi akan mereka hujahkan sebagai pencetus dan penyebab kemiskinan.

Kedua-dua pendapat itu betul, dan kedua-duanya juga salah.

Isunya adalah bagaimana pemerintah hendak menempatkan diri di antara kedua-dua pendapat tersebut, memilih yang betul, mengeneppikan yang salah dan kemudian dengan berhati-hati membentuk dasar-dasar baharu yang bersesuaian. Ia tidak mudah, tetapi ia perlu dilakukan.

Banyak yang perlu dilihat kembali. Daripada ‘ikan’ yang diletakkan ke pinggan, sehingga pemberian joran dan ilmu mencari umpan. Ia harus bermula daripada sikap pemerintah itu sendiri terhadap golongan miskin.

Kumpulan itu harus dilihat sebagai kelompok yang bukan setakat perlu diberi makan, tetapi juga ditunjukkan jalan keluar dari belenggu kemiskinan.

Namun percayalah, jalan keluar itu tidak akan ditemui jika jurutunjuk jalan sendiri berada dalam kesesatan!

Nama kolumn 3M adalah singkatan kepada Melawan Miskin yang akan memfokuskan isu berkaitan kemiskinan

SAJAK

SEPI SEBUAH RUMAH

Rumah itu sunyi
Sepi sendiri
Tak dijenguk
Apa lagi dipeduli

Sayup terdengar
bunyi pintu terkuak
Hanya angin
Menyapa dan berlalu

Ah! Rindu
Jangan diusik hati
Benteng bisa pecah
Penuh akan tumpah jua

YONGSC
APM Sarikei 8 Julai

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



“Kita pergi kepada rakyat!..”

JIKA rakyat tidak datang kepada kita, kita pergi kepada rakyat.” Inilah prinsip Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa, dalam usaha memastikan tidak ada warga Wilayah Persekutuan yang tercicir daripada menerima bantuan dalam suasana mencabar akibat pandemik COVID-19.

Melalui moto ini, keluh kesah dan masalah rakyat dapat di dengar dan diteliti secara langsung, secara bersemuka dan berterusan, tanpa menunggu rakyat meluahkan masalah mereka melalui saluran lain yang mungkin lambat mendapat tindak balas.

Adi kagum dengan sikap prihatin dan proaktif Annuar terhadap warga Wilayah Persekutuan. Seiring dengan aspirasi beliau ini, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menubuhkan pasukan Jejak Prihatin untuk membolehkan kementerian menjelaki dan mengetahui keadaan golongan rakyat rentan secara bersemuka.

Program yang bermula 14 Julai lalu dilakukan secara bergerak dari pintu ke pintu untuk melihat sendiri keadaan keluarga miskin tegar dan miskin bandar di Kuala Lumpur. Dari sinilah akan dikenal pasti keperluan serta permasalahan dihadapi bagi membolehkan bantuan sesuai disalurkan.

Adi ucapan tahniah kepada penggerak Jejak Prihatin yang melibatkan 4,000 individu daripada Sukarelawan Prihatin (PriVo), Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) dengan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) selaku penyelaras.

Pergerakan dari pintu ke pintu bertujuan mendapatkan maklumat terperinci. Memetik Annuar, sehingga ini bagi pusingan pertama, pasukan jejak Prihatin menemui 7,000 keluarga yang dikenal pasti daripada kumpulan miskin tegar dan miskin.

Data yang dikumpul bukan sahaja untuk keperluan bantuan berbentuk makanan atau kewangan, tetapi juga pelbagai bantuan lain, misalnya vaksinasi. Berdasarkan tinjauan yang dibuat, akan diketahui samaada golongan miskin dan miskin tegar ini sudah divaksinasi atau belum.

Dengan data berkenaan, lebih mudah untuk KWP mengambil tindakan susulan berhubung program vaksinasi yang sangat diperlukan dalam usaha memerangi COVID-19, sejarah dengan hasrat Wilayah Persekutuan mencapai matlamat sasaran 80 peratus imuniti kelompok menjelang Ogos ini.

Annuar sendiri sudah memberi jaminan tiada warga kota yang akan tercicir daripada program vaksinasi bagi ‘menghidup’ semula Kuala



RUMAHPRIHATIN@GRANDSEASONS merupakan pusat sehenti yang menyediakan pelbagai perkhidmatan untuk rakyat.

Lumpur sebagai pusat kegiatan ekonomi utama. Kerana itu amat penting memastikan warganya menerima dua dos suntikan lengkap secepat mungkin.

Justeru bagi Adi, sekarang adalah masa sesuai mencari mereka yang masih tertinggal, seperti golongan miskin dan gelandangan, untuk divaksin.

Malah bukan sahaja aspek vaksinasi ditekankan, tetapi juga aspek kesihatan lain seperti kesihatan mental, sejarah dengan wujudnya Rumah Prihatin@ GrandSeasons yang merupakan pusat sehenti menyediakan lima jenis perkhidmatan, termasuk dapur makanan, khidmat penginapan dan khidmat vaksin.

Adi sedar ada segelintir rakyat yang perlukan bantuan namun malu-malu untuk tampil ke hadapan. Atau ramai di antara mereka juga mungkin tidak tahu bagaimana untuk mendapat bantuan dan kepada siapa untuk mengadu. Mereka juga mungkin kurang faham cara-cara mendapatkan suntikan vaksin.

Dalam konteks inilah program Jejak Prihatin sangat

berguna kerana mereka menuju kepada kelompok sasar serta mempermudah urusan menerima bantuan atau khidmat nasihat.

Mereka yang susah akan diberi nombor tertentu untuk dihubungi jika ingin mendapatkan bantuan. Juga diberikan maklumat mengenai vaksin dan khidmat kesihatan lain.

Jelas sekali Jejak Prihatin ialah inisiatif ‘serampang pelbagai mata’ yang menyerlahkan keprihatinan KWP dan Annuar memberikan khidmat terbaik untuk rakyat.

Pelbagai inisiatif lain telah dilaksanakan sebelum ini melalui Program Cakna Wilayah dalam usaha membantu warga Wilayah Persekutuan yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Kesemua bantuan yang diberikan adalah untuk memastikan bebanan rakyat dapat diringankan agar mereka dapat meneruskan hidup dalam suasana yang mencabar sekarang. Sesungguhnya kesejahteraan rakyat sentiasa diutamakan. Sejahtera rakyat, sejahtera Wilayah Persekutuan.

MAKLUMAN AWAM

BANTUAN PRIHATIN
BANTUAN KHAS KEPADA PENJAJA ONE-OFF RM500

SILA LAYARI PORTAL RASMI
<https://elesen.dbkl.gov.my/> MULAI 19 JULAI 2021 – 15 OGOS 2021

Bantuan Prihatin – Kasih Asnaf 3.0 ini merupakan program bantuan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). DBKL bertindak sebagai pemudahcara dalam program bantuan ini.

Sumbangan secara one-off sebanyak RM500.00 diberikan kepada penjaja pasar malam di Kuala Lumpur yang layak menerima bantuan berdasarkan kriteria dan proses tapatan oleh pihak MAIWP.

■ Sumbangan akan dibayar melalui Electronic Fund Transfer (EFT) ke akaun bank penerima yang layak.
■ Untuk sebarang pertanyaan, sila WhatsApp ke talian 011 5659 3734 mulai jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang.

© JPN 2021

DESAH BAHARU KUALA LUMPUR | DESA HIBURAN KUALA LUMPUR | URGELIT

BERJIMAT BELANJAKAN WANG I-CITRA

SEBAGAI satu langkah membantu golongan yang terkesan akibat pandemik COVID-19, kerajaan sekali lagi membenarkan pencarum mengeluarkan simpanan mereka melalui program i-Citra. Sebelum ini kerajaan telah membenarkan pengeluaran melalui skim i-Lestari dan i-Sinar untuk tujuan sama.

Permohonan bagi pengeluaran sudah dibuka mulai 12 Julai lalu, tiga hari sebelum jadual asal pada 15 Julai. Ini untuk membolehkan pencarum membuat permohonan lebih cepat dan dengan itu akan memperoleh wang caruman dalam masa lebih cepat.

Pembayaran pertama i-Citra dijangka mula dikredit ke dalam akaun pencarum pada bulan Ogos.

Jumlah pengeluaran diluluskan ialah maksimum RM5,000 yang akan dibayar dalam lima bayaran bulanan dengan setiap pembayaran berjumlah RM1,000, tertakluk kepada baki simpanan dalam Akaun 1 dan 2.

Adi faham pengeluaran i-Citra akan dapat membantu meringankan beban pencarum yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Ia selaras dengan pengumuman Paket Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Ia adalah inisiatif jangka pendek membantu pencarum menghadapi kepada COVID-19.

Namun Adi ingin juga mengingatkan para pencarum, sementara kelonggaran ini diberi, ia bukan bermakna satu kemestian. Ertinya pencarum yang tidak terjejas akibat pandemik dan mampu meneruskan hidup seperti biasa, tidak perlu mengeluarkan caruman.

Perlu diingat, wang caruman yang dikeluarkan itu adalah wang simpanan sendiri untuk hari tua. Semakin banyak dikeluarkan bererti semakin susut simpanan untuk masa depan.

Bukan mudah untuk menambah balik jumlah wang yang telah dikeluarkan. Mungkin mengambil masa bertahun-tahun jika jumlah caruman bulanan tidak begitu banyak. Sebaliknya, jika caruman tidak dikeluarkan, jumlahnya tentu terus bertambah setiap bulan.

Namun Adi sedar dalam keadaan terdesak, kelonggaran yang diberi oleh kerajaan adalah pilihan mudah untuk pencarum yang memerlukan.

Namun nasihat Adi, gunakan wang tersebut dengan jimat dan berhati-hati untuk perbelanjaan

“Adi difahamkan, lima komponen RumahPrihatin@GrandSeasons merangkumi Dapur Prihatin, Bilik Penginapan Prihatin, Khidmat Kesihatan Mental Prihatin, Khidmat Vaksin Prihatin dan Pusat Gerakan Jejak Prihatin.

perlu sahaja.

Sebaik-baiknya gunakan wang tersebut untuk menjana wang. Misalnya dengan melabur atau berniaga kecil-kecilan. Dengan itu ada pulangan dan tidaklah wang tersebut dibelanjakan hangus.

Adi harap tidak ada yang gelap matap apabila mendapat wang dan berbelanja sesuka hati.

Walaupun tidak ada keperluan, kerana ada wang di tangan, macam-macam pula hendak dibeli. Barang yang tidak perlu diutamakan sementara yang penting diabaikan.

Akhirnya wang yang sepatutnya membantu pencarum dalam kesusahan habis dibelanjakan untuk tujuan yang tidak bertepatan dengan matlamat pengeluaran. Akibatnya, pencarum juga yang susah.

Oleh itu Adi berharap pencarum akan sentiasa beringat dan menghargai setiap ringgit yang dikeluarkan agar tidak membazir. Sentiasa hayati peribahasa Melayu, ‘ingat sebelum kena, jimat sebelum habis’.

- Adi Tuah

Adi Tuah

SAJAK

GURINDAM AKHBAR WILAYAHU

Wilayahku Media warga kota indah, Rangkuman ilmu pengetahuan bermadah.

Aneka berita hebatan banyak manfaat, Cerita terkini menarik sentiasa dimuat.

Tingkatkan penggunaan bahasa bermatlamat, Segala saluran jangkauan inspirasi maklumat.

Tinta kata ditulis penuh berkarsma, Para pembaca pasti kagum terkesima.

Wadah dekatkan pemimpin dan rakyat, Menjalin muafakat media tanpa gayat.

Bingkisan agenda yang berkaedah, Setiap berita tersiar amat berfaedah.

Nilai-nilai murni berbalut intergriti, Pelbagai pandangan bernes nan pasti.

Setiap helaihan akbar berinteraktif, Suntikan minda bertambah aktif.

OUI BIN SAL, Kg. Belimbing, Tanah Merah, Kelantan.

Bantu peminjam terjejas COVID-19 uruskan kewangan

Moratorium SPWP secara automatik

AINI MAWAWI

MORATORIUM bagi pinjaman perumahan melalui anak syarikat Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Syarikat Perumahan Persekutuan (SPWP) dilakukan secara automatik.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun**, moratorium tersebut berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula 1 hingga 14 Jun 2021 dan ia sejajar bantuan yang diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Moratorium dilaksanakan secara automatik yang mana pempinjam tidak perlu memohon. Namun bagi mereka yang berke-



ZAIZALNIZAM



mampuan, boleh terus membayar seperti biasa.

"YWP bersetuju menangguhkan bayaran balik skim pembiayaan pembelian rumah (SPWP) selama enam bulan bagi meringankan beban peserta yang terlibat di bawah pinjaman melalui anak syarikat YWP," ujar beliau.

Kata beliau lagi, penangguhan bayaran balik tersebut melibatkan kos sebanyak RM10.89 juta.

"Mereka akan mula membayar seperti biasa setelah habis tempoh moratorium yang diberi," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau lagi, peserta Skim Mikro Kredit Wilayah Persekutuan

MORATORIUM selama enam bulan bermula Julai.



(SMKWP) juga turut diberi penangguhan bayaran balik selama enam bulan bermula Julai 2021.

"Namun baki yang ada akan digunakan untuk membantu peniaga-peniaga kecil yang terjejas

untuk digunakan oleh mereka bagi menambah modal serta yang tidak mempunyai peralatan bermula," ujarnya.

Terdahulu, YWP juga mengorak langkah dengan menyediakan plat-

form dan akses kelas digital SPM Mahir tutor yang memberi manfaat kepada 20,000 pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. **WK**

Hanya 10 minit, asam pedas Che A Melaka sedia dinikmati

NAZWIN NAZRI

KEASLIAN dan keenakan asam pedas Che A membuatkan pelanggan yang pernah menikmatinya di Restoran Asam Pedas Ikan Baru, Melaka suatu ketika dahulu, meminta pengasas, **Nor Asra Abu Husin** menjual pes masakan utamanya itu selepas operasi perniagaan dihentikan pada 2017.

Susulan permintaan yang memberangsangkan itu, dia memulakan perniagaan pes asam pedas secara kecil-kecilan bagi memenuhi kehendak pelanggan setia bermula Mac 2020.

Walaupun jualan dimulakan semasa negara dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pes asam pedas Che A berjaya memperluaskan pasarannya sehingga ke Sabah dan Sarawak berikutnya pemasaran dilakukan secara atas talian.

Bermula dengan jualan sekitar 10 pek dan hanya menggunakan plastik biasa, kini pes asam pedas asli Melaka sudah mencapai 1,500 pek sebulan.

Menurut pengedarnya di Wilayah Persekutuan dan Selangor, **Chairel Zailee Basiron**, keisimetewaan pes asam pedas yang dipasarkan adalah rasanya asli negeri Melaka dan menepati cita rasa selain cara penyediaan yang moden serta memudahkan pelanggan.

"Bukan hanya membangkitkan selera, asam pedas yang dimasak menggunakan pes Che A sangat cepat disediakan. Hanya perlu tambah beberapa bahan sambungan seperti bendi, tomato dan ikan yang diingini serta air kerana ramuannya sudah lengkap ditumis."

"Malah, ia juga boleh dijadikan sambal ikan bakar ala Portugis.



ASAM pedas Che A yang asli dari Melaka mudah disediakan dan cepat dimasak.

"Bagi peminat oden, mereka boleh menjadikannya sebagai kuah oden dengan menambah bahan mentah berkaitan," katanya kepada *Wilayahku* pada Isnin.

Justeru, katanya, kekangan tidak dapat merentas negeri bukan penghalang untuk orang ramai menikmati dan merasai keenakan asam pedas Melaka kerana ia boleh dimasak menggunakan pes Che A.

Tambahnya, orang ramai yang ingin mencuba boleh menghubunginya di talian 012-6609603.

Sementara itu, salah seorang peminat asam pedas Che A, Alia Saleh memberitahu, pes yang dibelinya amat mudah dan cepat dimasak.

Katanya, hanya dalam tempoh 10 minit, hidangan istimewa Melaka siap sedia untuk dijamah.

"Bagi pekerja, sarapan sukar dilakukan kerana waktu yang terhad namun dengan pes asam pedas



ASAM pedas Che A yang asli dari Melaka mudah disediakan dan cepat dimasak.

Che A, hanya 10 minit sahaja masa yang diperlukan," katanya sambil menambah, ia pastinya memudahkan kaum isteri. **WK**

#TechUntukSemua bantu pasaran peniaga durian

MUSIM durian yang melanda masa ini, mendorong Grab Malaysia memperkasa peniaga kecil yang menjual raja buah itu di bawah program #TechUntukSemua.

Ketua Pemasaran Wilayah Grab Malaysia, **Hassan Alsagoff** berkata, langkah itu membolehkan masyarakat mendapat bekalan durian dengan mudah di samping membantu peniaga dan peladang melebarkan keseronokan menikmati raja buah itu kepada semua penggemar.



PENIAGA durian, Romi Hidayat Zainintawa gembira apabila pelanggannya berpeluang membeli durian melalui aplikasi Grab dan tidak terdedah kepada bahaya wabak.

"Di Grab, kami sentiasa berusaha memberi sokongan kepada peniaga kecil dan tradisional. Inisiatif GrabDurian kami adalah acara tahunan untuk membantu mereka.

"Kami tahu pandemik ini memberi tekanan tambahan kepada industri, oleh itu kami menjadikan mereka sebahagian daripada penggiat ekonomi digital sekali gus membolehkan perniagaan diteruskan masa ini," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, pihaknya turut membantu mempromosi segala yang berkaitan dengan durian seperti buah durian segar, juadah pemanis mulut perisa durian, pastri dan sebagainya.

Selain itu, katanya, turut dipromosikan adalah penghapus bau durian supaya musim kali ini lebih mudah diharungi dengan produk seperti sarung tangan, pembasuh serta pembilas mulut, penyegar udara dan banyak lagi.

Tambahnya, pengguna Grab juga berpeluang menikmati penjimat sehingga 50 peratus bagi produk daripada pedagang seperti Durian Man, Lubuk Durian, Purple Monkey, Watsons, Guardian dan lain-lain lagi. **WK**

SOP: Ibadah korban tetap meriah



AINI MAWAWI

BIARPUN negara masih lagi dibelenggu wabak COVID-19, namun ibadah korban di Putrajaya tetap diraikan dalam suasana kemeriahian di samping akur dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

Menurut Pengarah Bahagian Kesihatan Perbadanan Putrajaya (PPj), Dr Mohd Helmi Abdul Hamid, pematuhan SOP dalam kalangan komuniti yang terlibat sepanjang aktiviti penyembelihan amat baik sekali.

"Tiada sebarang amaran dikeluarkan sepanjang aktiviti ibadah korban hasil pemantauan dan penguatkuasaan PPj melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pejabat

Kesihatan Putrajaya dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar sepanjang ibadah korban dilaksanakan.

"Hanya amaran dan teguran secara lisan dilakukan bagi memastikan kebersihan tapak dan pematuhan SOP seperti penjarakan sosial dan pemakaian pelitup muka dipatuhi sepenuhnya," ujar beliau.

Kata beliau lagi, aktiviti pemantauan melibatkan kebersihan tapak sebelum, semasa dan selepas acara, penjarakan sosial, pendaftaran MySejahtera, bilangan kehadiran termasuk petugas tidak melebihi 12 orang serta pemakaian pelitup muka para petugas.

"Bagi saya pematuhan dalam kalangan komuniti berjaya dipatuhi memandangkan kita memaklumkan terlebih dahulu SOP ibadah korban sebelum memberi kelulusan kepada pihak yang terlibat dalam aktiviti ini,"

ujar beliau.

Terdapat dua cara kelulusan ibadah korban iaitu melalui PPj dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) melibatkan 25 ekor lembu dan seekor kambing di bawah PPj dan 102 ekor lembu serta lima ekor kambing di bawah JAWI.

"Had kapasiti sembelihan korban tidak melebihi lima ekor sehari sementara bagi sembelihan di bawah kelulusan JAWI yang melibatkan 26 masjid dan surau kariah sementara pengedaran daging adalah secara pandu lalu," ujar beliau.

Mengulas tentang sambutan Aidiladha tahun ini, Mohd Helmi turut mengakui permohonan melaksanakan aktiviti ibadah korban ketika pandemik COVID-19 daripada agensi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkurang berbanding tahun-tahun sebelum ini.

Terdahulu, sebanyak enam



KOMUNITI Putrajaya bergotong-royong memotong daging korban.

lokasi yang disediakan oleh PPj di Presint 5 (berhampiran Kompleks Kejiranan P11 & Pejabat Kesihatan Putrajaya), Presint 7 (berhampiran Depo Bas & Myfarm), Presint 9 (berhampiran Pusat Perlindungan Kucing Putrajaya), Presint 11

(Tanah Kosong Berhampiran Kompleks Kejiranan P11 & Pejabat Kesihatan Putrajaya), Presint 14 (berhampiran Kompleks Nasyrul Quran), Presint 18 (berhampiran Apartment 18R10). WK

AIH Putrajaya 2021 kembali, menangi wang tunai sehingga RM21,000

ANUGERAH Inisiatif Bandar Hijau Putrajaya (AIH Putrajaya 2021) anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) kini kembali lagi untuk tahun 2021.

Penyertaan yang terbuka kepada semua penduduk Putrajaya (individu) serta Institusi Pengajian Awam dan Swasta (IPPA/IPTS) di wilayah itu bertujuan untuk

mengetengahkan idea-idea kreatif serta menggalakkan pelaksanaan Inisiatif Bandar Hijau Karbon Rendah Putrajaya.

Pengarah Pembangunan Mampan Perbadanan Putrajaya, **Norzita Abdul Razak** berkata, terdapat tiga kategori anugerah iaitu penjimatan elektrik, penjimatan air dan pengurangan sisa pepejal.

"Ia merupakan program galakan kesedaran kepada komuniti untuk mengamalkan amal gaya hidup hijau (*embody green life style*) dalam kehidupan sehari-hari," ujar beliau.

Kata beliau lagi, penganjuran anugerah dilaksanakan bersama rakan strategik seperti Tenaga Nasional (TNB), Air Selangor dan Alam Flora.

"Peranan ketiga-tiga agensi adalah dalam aspek membekalkan rekod-rekod penggunaan tenaga elektrik, air dan rekod jualan kitar semula atau mata terkumpul kepada peserta AIH.

"Setakat ini, anugerah yang dilancarkan sejak tahun lalu berjaya meninjau setakat mana pemahaman konsep bandar hijau dan amalan hijau dalam kalangan komuniti setempat.

"Kita mengalu-alukan kepada yang layak untuk menyertai pertandingan secara percuma ini bermula 20 Julai 2021 hingga 3 September 2021 bagi memenangi

wang tunai berjumlah RM21,000.

"Peserta dikehendaki memuatnaik video rakaman berdurasi tidak melebihi dua minit berkenaan inisiatif penjimatan elektrik/penjimatan air/pengurangan sisa pepejal yang telah dilaksanakan," ujar beliau.

Maklumat lanjut boleh menghubungi talian Seksyen Bandar Hijau Putrajaya, TPr. **Wang Tze Wee** (wangtw@ppj.gov.my), **Nor Hasimah Samod** (nor.hasimah@ppj.gov.my) atau pertanyaan melalui Facebook Group '**Bandar Hijau Putrajaya**'. WK

SYARAT-SYARAT (AIH PUTRAJAYA 2021)



Peserta dikehendaki memilih mana-mana inisiatif di atas dan mengemukakan semua dokumen penyertaan yang ditetapkan secara dalam talian (*google form*).

Dokumen penyertaan:

- Video ringkas (tidak melebihi 2 minit) inisiatif penjimatan elektrik/ penjimatan air/ pengurangan sisa pepejal yang telah dilaksanakan.
- Rekod penggunaan tenaga elektrik/ penggunaan air/ resit jualan kitar semula/ rekod rewardS@S.

Peserta boleh menghubungi Tenaga Nasional Berhad, Air Selangor dan Alam Flora untuk mendapatkan dokumen penyertaan sekiranya tiada dalam simpanan peserta.

Peserta dibenarkan menyertai lebih daripada satu inisiatif. Walau bagaimanapun, video dan dokumen penyertaan hendaklah secara

berasingan mengikut inisiatif.

Pengabungan video dan dokumen penyertaan **TIDAK** dibenarkan.

Peserta yang mengemukakan lebih daripada satu inisiatif hanya layak memenangi SATU hadiah sahaja.

Peserta dikehendaki :

- Menyertai Facebook Group '**Putrajaya Bandar Hijau**' untuk mendapatkan makluman terkini AIH Putrajaya 2021.
- Mengemukakan penyertaan secara dalam talian (*google form*):
 - Kategori Individu (<https://forms.gle/D9YA3JTgJzjAoNWP6>)
 - Kategori Institusi Awam dan Swasta (<https://forms.gle/aUmeP6jaTaRwM9zx8>)

Kriteria penilaian adalah berdasarkan kepada kreativiti, keberkesanannya, menepati tema, cara persembahan video dan kadar pencapaian pengurangan.



Ubah mentaliti kunci melawan kemiskinan

AZLAN ZAMBRY

KEMISKINAN bandar merupakan satu perkara yang tidak asing dengan masyarakat bandar terutama di Kuala Lumpur.

Impak daripada penularan wabak pandemik COVID-19 dalam negara menyaksikan kerajaan persekutuan terpaksa menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac 2020 yang kini sudah memasuki PKP3.0 dan belum mempunyai tanda-tanda akan reda.

Situasi ini telah menyebabkan banyak sektor ekonomi terpaksa di'rehat'kan dan pada masa sama kerajaan turut menggiatkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) sebagai satu usaha di dalam Program Pemulihan Negara (PPN) bagi mencapai sasaran 80 peratus imunisasi berkelompok dan seterusnya dapat menggerakkan semula keseluruhan sektor ekonomi bagi membangunkan semula negara.

Namun begitu, impak yang diterima rakyat khususnya warga kota amat berat ekoran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang merupakan nadi utama negara terpaksa direhatkan dan menyebabkan ramai dari dalam kalangan pekerja terpaksa mengambil cuti tanpa gaji, malah banyak syarikat telah ditutup sehingga meningkatkan lagi jumlah pengangguran di Kuala Lumpur sekaligus meningkatkan jumlah miskin bandar di ibu negara.

Melawan kemiskinan terutama di bandaraya Kuala Lumpur bukanlah satu perkara yang mudah.

Namun, melalui pelbagai inisiatif dan kreativiti daripada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) di bawah kepimpinan menterinya, Tan Sri TPr Annuar Musa menyaksikan banyak produk pembangunan keusahawanan seperti Wilayah Bebas Berniaga (WBB) dan Program Usahawan Anak Muda Kota serta pemberian Gerai Mary sebagai kemudahan dan juga galakan kepada warga kota untuk berikhtiar melalui perniagaan kecil-kecilan mampu melandaikan leuk kemiskinan bandar yang semakin melebar.

Melalui program WBB yang diperkenalkan sejak Oktober 2020 yang lalu, ia telah memanfaatkan hampir 5,000 peniaga di seluruh Kuala Lumpur dengan seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Program ini turut dilaksanakan di Putrajaya dan Labuan.

Menurut pemilik gerai Ewanz burger, **Hazuan Alif Ahmad Jabri**, 25, yang berasal



MOHD Ferdaus menjadikan perniagaan burger sebagai alternatif untuk keluar dari kepompong kemiskinan.

dari Projek Perumahan Rakyat (PPR) Batu 5 Jalan Ipoh berkata, tekad untuk melawan kemiskinan menjadi fokus utamanya apabila kehilangan pekerjaan di sebuah syarikat pengangkutan di ibu negara Disember tahun lalu.

"Jujurnya, sejak dari awal PKP 1.0, saya hanya menerima gaji separuh sahaja kerana syarikat tidak boleh melakukan perjalanan.

"Namun, keadaan kewangan syarikat semakin tenat dan majikan terpaksa melepaskan kami kerana sudah tidak mampu untuk membayar gaji," katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Justeru itu, beliau yang juga bekas pemandu bas berkata, detik hitam mulai dirasakan ekoran banyak bil-bil yang perlu dijelaskan pada setiap bulan.

"Duduk di ibu kota ini memerlukan perbelanjaan yang besar dan apabila hanya mendapat gaji separuh bermula April 2020, ia sangat menyukarkan kerana banyak perkara yang perlu dijelaskan.

"Saya bernasib baik kerana menerima moratorium disamping duduk bersama keluarga," katanya.

Bercerita lanjut, Hazuan Alif berkata, keadaan syarikat mulai merosot kerana negara jiran, Singapura dan Thailand telah menutup pintu sempadan masing-masing sehingga syarikat sudah tidak mampu untuk meneruskan perniagaan.

"Majikan kemudian terpaksa memberikan cuti tanpa gaji bermula Januari tahun ini dan saya tidak mahu duduk sahaja di rumah, malah terus berikhtiar mencari rezeki dengan menjadi pemandu p-hailing,"

"Melalui p-hailing, saya



MESKIPUN Ewanz Burger baru ditubuhkan, ia sedikit sebanyak dapat membantu menampung kehidupan Hazuan untuk meneruskan kelangsungan hidup ketika zaman pandemik ini.

menerima pendapatan yang tidak seberapa kerana perlu bersaing dengan pengusaha sedia ada, namun saya sempat membuat tabungan untuk mengumpulkan modal bagi memulakan perniagaan kecil-kecilan," katanya.

Beliau berkata, idea untuk memulakan perniagaan burger dibuat melalui dorongan bekas majikannya kerana khuatir dengan tindakan penguatkuasaan DBKL yang tidak membenarkan perniagaan tanpa lesen dijalankan.

"Apabila Menteri Wilayah Persekutuan dan Datuk Bandar Kuala Lumpur memberi jaminan tidak akan mengambil tindakan undang-undang kepada peniaga, maka saya memberanikan diri untuk memulakan perniagaan," katanya.

"Saya turut mengeluarkan wang simpanan ketika menjadi pemandu p-hailing sebanyak RM2,000 sebagai modal untuk membeli kelengkapan perniagaan," katanya.

Menurutnya, setelah diberhentikan kerja, beliau tidak hanya berpeluk tubuh mengenangkan nasib kerana tiada sesiapa yang akan membantunya untuk mengubah diri sendiri.

"Sudah tentu saya berasa sedih, namun kita perlu berikhtiar sebaik mungkin kerana sekadar mengenang nasib tidak akan mengubah keadaan."

"Dan saya beruntung kerana cepat mengambil peluang untuk bermula melalui program WBB dan tidak perlu membayar lesen.

"Walaupun sukar untuk mendapatkan keuntungan yang banyak, namun saya yakin hasil yang diperolehi ini lebih baik untuk meneruskan hidup daripada terpaksa meminta-

minta," katanya.

Ujar Hazuan, pada peringkat awal bermula pada Januari lalu, beliau hampir berputus asa kerana hasil jualan yang diterimanya hanya mampu untuk membeli barang-barang perniagaan sahaja.

"Pada awal bermula, gerai ini mungkin baru lagi dan ramai yang tidak menyedari, malah saya juga pernah merasa kesal kerana seolah-olah membuang masa kerana hanya terjual kurang dari 10 biji sahaja.

"Namun, semakin hari keadaan semakin baik dan kini saya mampu menjual purata 30 biji setiap hari," katanya.

Hazuan berkata, sebagai individu yang menerima kesan daripada pandemik ini, perkara utama yang diperlukan adalah semangat untuk berusaha dan mengeluarkan diri dari kepompong kemiskinan.

"Saya ditakdirkan menjadi miskin dengan sekelip mata, dan apabila hampir seluruh dunia turut menerima kesan yang sama, saya perlu tabah untuk menghadapi perkara tersebut.

"Situasi semasa ini membuatkan saya sedar bahawa kita harus berusaha dan berikhtiar untuk mencari peluang-peluang yang ada dan saya beruntung kerana memperolehi peluang ini dan hanya perlu berusaha keras agar dapat mengubah nasib dengan segera demi kelangsungan hidup," katanya.

Bagi Mohd Ferdaus Tamat, 28 yang menetap di PPR Taman Wahyu, hidupnya mulai berubah apabila beliau diarahkan untuk berpindah ke tempat kerja yang baharu setelah majikannya terpaksa menutup pejabat mereka di ibu kota.

"Sebelum bermula, saya

bekerja di bahagian Pusat Panggilan (Call Centre) untuk sebuah syarikat swasta dan apabila PKP dilaksanakan, saya diarahkan berpindah ke tempat kerja yang baharu di Kuala Selangor dan gaji pula perlu dipotong," katanya.

Menyedari bahawa keadaan itu tidak menguntungkannya, beliau mengambil keputusan untuk memulakan perniagaan menjual burger demi kelangsungan hidup.

"Saya bersyukur kerana sememangnya berminat dengan perniagaan kerana dari kecil sudah biasa mengikut bapa yang bermula di pasar malam.

"Oleh kerana keadaan PKP pada waktu itu, saya membuat keputusan untuk bermula kecil-kecilan," katanya.

Mohd Ferdaus berkata, walaupun pada peringkat permulaan agak mencabar kerana ia baru beroperasi beberapa bulan sahaja.

"Bagi saya, perniagaan ini adalah proses dan kita perlu melaluinya dengan sabar.

"Lagipun ketika ini, kita berada didalam PKP dan sukar untuk menetapkan sasaran jualan yang tinggi kerana ia akan menyebabkan kita patah semangat," katanya yang membuka gerai setiap hari dari pukul 2.30 petang sehingga 10 malam.

Ujarnya, kunci untuk melawan kemiskinan yang disebabkan keadaan hari ini adalah dengan mengubah mentaliti dan sentiasa berusaha.

"Walaupun saya hanya mampu membuat jualan hanya 30 biji burger setiap hari, ia masih boleh mempunyai pendapatan berbanding hanya mengeluh dan meminta-minta," katanya.

Usaha sama berbagai pihak termasuk UM dan DBKL

Kebun lestari Komuniti Bayview Green Garden Taman Sri Sentosa

DR ROSAZLIN ABDULLAH

BAYVIEW Green Garden adalah kebun kejiranan yang diusahakan oleh penghuni Apartmen Bayview Court 1D, Taman Sri Sentosa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur hasil bekerjasama dengan Universiti Malaya dalam usaha melaksanakan kempen Kebun Bandar Lestari di kalangan komuniti (UM-Sustainability Gardening Campaign) ke arah Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) oleh Pasukan penyelidik UM yang diketuai penulis di bawah UMCares dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Komuniti di Bayview Court, Taman Sri Sentosa telah menubuhkan kebun hijau komuniti di kalangan penduduk. Inisiatif komuniti ini amat baik dan boleh dijadikan contoh kepada komuniti di persekitarannya dengan nama ‘Kebun-kebun Sentosa-Bayview Green Garden’.

Ia dapat memberi ruang dan cara kepada komuniti untuk mencapai hasrat mereka menjadikan Bayview sebagai komuniti hijau walaupun berada di tengah Bandar Kuala Lumpur yang pesat dan padat.

Penganjur program ini adalah Universiti Malaya dan Komuniti Bayview Green Garden bersama-sama DBKL, Local Agenda 21, Swcorp dan Parlimen Lembah Pantai.

Kebun bandar merupakan aktiviti pertanian yang amat penting.

Melalui pertanian bandar atau juga dikenali sebagai kebun bandar, aktiviti pertanian ini dapat dilakukan walaupun penduduk bandar memiliki ruang atau kawasan yang terhad.

Pelbagai sistem dan teknologi telah diaplifikasi untuk pelaksanaan pertanian bandar ini.

Di samping itu, terdapat pelbagai manfaat yang diperolehi oleh penduduk bandar melalui pertanian bandar seperti penghasilan makanan sendiri yang lebih selamat dan berkualiti, dapat menjana pendapatan sampingan serta mencantikkan dan menghijaukan kawasan.

Selain itu, ketika negara dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19, pertanian bandar memperlihatkan kepentingannya sendiri dengan menjadi terapi kepada masyarakat kerana tidak dapat keluar dari kediaman masing-masing.

Matlamat ini boleh dicapai dengan memberi pendedahan kepada komuniti agar dapat memberi galakkan dan menarik minat untuk mengaplifikasi dan melaksanakan kebun bandar dengan baik.



Memberi fokus dalam pengurusan sisa secara berkesan dan sistematik menjadikan ia lebih menarik kerana menghasilkan sebuah kebun bandar yang dapat mengurangkan pembuangan sisa kepada alam sekitar sebaliknya menggantikannya dengan penghasilan produk yang lebih bagus untuk kegunaan tanaman dan juga alam sekitar.

Pasukan penyelidik UM yang terlibat adalah di bawah seliaan UMCares, organisasi di Universiti Malaya yang menguruskan geran komuniti.

Projek ini adalah dibawah pembiayaan Program Pemindahan Ilmu Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu satu Program Penyelidikan Translation Malaysia Research University Network (MRUN) bagi melahirkan projek penyelidikan yang lebih berimpak tinggi bagi memajukan pembangunan negara Malaysia.

UM bekerjasama Bersama bersama komuniti Bayview Court 1D, Taman Sri Sentosa telah berkerjasama menubuhkan kebun bandar.

Kebun-Kebun Sentosa Bayview Green Garden adalah sebuah kejiranan dengan menjalankan aktiviti bercucuk tanam yang dilaksanakan oleh penghuni Apartmen Bayview Court 1D, Taman Sri Sentosa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

Kebun ini mula dilaksanakan pada 12 September 2020 setelah mendapat persetujuan dan sokongan daripada penghuni dan Perbadanan Pengurusan Bayview Court 1D.

Keluasan kebun kejiranan ini dianggarkan seluas 6439 kaki persegi menjadikan kawasan ini dapat menghasilkan pelbagai jenis tanaman untuk kegunaan harian.

Kebun-Kebun Sentosa: Bayview Green Garden ini diketuai oleh Encik Mohd Idris bin Baharudin dengan sokongan ahli jawatankuasa Perbadanan Pengurusan Bayview Court 1D.

Kebun-Kebun Sentosa Bayview Green Garden ini juga memiliki kemudahan seperti stor penyimpanan peralatan pertanian, tempat semai anak pokok, sistem pengumpulan air hujan, tong pengkomposan sisa kebun dan makanan penduduk sekitar serta penggunaan panel solar untuk lampu.

Di samping itu, kebun kejiranan ini berkonsepkan “berkebun sambil bersenam” di mana penduduk sekitar bukan sahaja datang untuk bercucuk tanam tetapi dapat melakukan aktiviti fizikal lain seperti bersenam kerana kebun kejiranan ini dilengkapi dengan taman permainan kanak-kanak, basikal statik dan laluan pejalan kaki.

Keunikan taman permainan kanak-kanak dan basikal statik ini adalah ia dibuat sendiri menggunakan barang terpakai menggunakan konsep DIY ‘Do it Yourself’.

Bayview Green Garden mempunyai sistem pengumpulan air hujan dimana ia ditempatkan di dalam kawasan kebun kejiranan dan juga di kawasan pengkomposan sisa makanan berdekatan bangunan apartmen penduduk sekitar.

Sistem pengumpulan air hujan ini dibina di kawasan kebun kejiranan supaya air yang dikumpul dapat digunakan untuk menyiram tanaman terutamanya ketika bekalan air terputus atau musim kemarau yang memerlukan penggunaan air yang banyak.

Selain itu, air hujan ini digunakan untuk membersihkan peralatan pertanian seperti cangkul dan pencakar selepas digunakan.

Inisiatif kawalan nyamuk yang dipraktikkan di sini ialah pemeriksaan berkala sentiasa dilakukan untuk memastikan tong penyimpanan air hujan sentiasa ditutup dan tidak terdapat takungan air di penutup tong penyimpanan air hujan.

Selaras dengan konsep kebun lestari, reka bentuk kebun telah

menggunakan 80 peratus yang menggunakan barang kitar semula untuk membina struktur di kebun seperti penggunaan botol plastik sebagai bekas tanaman dan juga dinding di stor penyimpanan peralatan pertanian.

Selain itu, kayu-kayu terpakai digunakan untuk membuat meja dan rak di tempat semai anak pokok serta digunakan juga untuk membuat peralatan di taman permainan kanak-kanak yang terdapat di kebun ini.

“Scaffolding” atau besi perancah yang tidak digunakan lagi telah digunakan di kebun kejiranan ini sebagai pagar.

Di kebun kejiranan ini juga, terdapat basikal statik untuk aktiviti riadah dimana basikal ini merupakan basikal yang tidak lagi digunakan oleh penduduk Apartmen Bayview Court 1D dan dibaki semula.

Bagi mengurangkan lambakan sisa makanan dan tanaman di tempat pelupusan sampah, Kebun-Kebun Sentosa Bayview Green Garden telah menghasilkan kompos daripada sisa makanan dan tanaman.

Sisa makanan yang diperolehi daripada penduduk setempat dimasukkan di dalam tong pengkomposan yang disediakan di kawasan kebun dan juga berhampiran bangunan Apartment Bayview Court 1D.

Sisa tanaman pula diperolehi apabila setelah selesai penuaan hasil dan juga daripada rumput-rumput yang dipotong di kawasan apartmen ini.

Kebun kejiranan ini memiliki page di facebook iaitu “Bayview Green Garden-LA21 KL” dan saluran Youtube “Bayview Green Garden” untuk berkongsi segala maklumat berkaitan pertanian dan aktiviti di kebun seperti aktiviti bercucuk tanam, aktiviti tuaian hasil tanaman dan juga aktiviti jual beli hasil tanaman di samping memberikan galakkan dan menarik minat kepada komuniti lain untuk melaksanakan aktiviti ini.

Kempen kesedaran dan publisiti ada diwar-warkan dalam media cetak dan tv, salah satunya merupakan keratan akhbar Wilayahku di mana Kebun-Kebun Sentosa Bayview Green Garden

bekerjasama dengan Universiti Malaya bagi melaksanakan kempen kebun lestari dan menarik minat penghuni-penghuni sekitar untuk menjalankan aktiviti pertanian bandar serta memberi kesedaran kepada masyarakat.

Ahli-ahli kebun kejiranan ini juga memiliki whatsapp group iaitu “Bayview GG Members” untuk berkongsi maklumat, pemakluman aktiviti harian dan perbincangan berkaitan hal ehwal Kebun-Kebun Sentosa Bayview Green Garden.

REAKSI



“DENGAN adanya Bayview Green Garden, ia membantu saya mengisi masa luang dengan aktiviti yang boleh mengeluarkan peluh dan meningkatkan kecerdasan tubuh badan serta saya juga dapat bersosial dan berinteraksi dengan ahli yang lain dan dapat mengurangkan stres yang dihadapi jika hanya berkunjung di rumah.”

Wan Mahirah binti Wan Musa, 34
Penolong Pegawai Farmasi



“BAYVIEW Green Garden adalah tempat untuk aktiviti berkebun dan pelbagai hasil tanaman seperti sayur segar boleh diperolehi di sini.”

Mohd Idris Baharudin, 70
pesara



“UNIVERSITI Malaya sangat membantu, aktifif dan memberi sokongan kepada komuniti Bayview Court 1D. Kerjasama

daripada agensi lain juga menjadikan menjadi Kebun-Kebun Sentosa “Bayview Green Garden” sebagai satu contoh kebun bandar untuk kawasan setempat.”

Madam Betsy Teoh
Pengerusi Bayview Court ID



“SEBAGAI penghuni Bayview Court 1D dan ahli Bayview Green Garden, saya berasa gembira dengan adanya kebun ini kerana saya rasa seronok melakukan aktiviti berkebun di sini. Bayview Green Garden sangat membantu saya terutamanya ketika PKP kerana saya dapat peroleh sayur segar dari kebun ini.”

Ranjit Kaur A/P Gurmukh Singh, 56
Pembantu tadika



“BAYVIEW Green Garden juga menjadikan kawasan di sini kelihatan cantik. Ketika ini, ramai penghuni yang bekerja atau

belajar di rumah. Jadi berkebun di rumah membantu sebuah keluarga menjadi positif dan sihat.”

Krishnaveni A/P Ponnusamy, 63
Suri rumah

Korban tanpa waris



Foto: MAD ZAIN
AMIN FARUJ HASAN

SEJAK negara menghadapi gelombang varian Delta COVID-19, saban hari di sekeliling kita pasti akan mendengar perkhabaran sedih dari saudara dan sahabat yang terdekat.

Malangnya, buat waris ahli keluarga yang diuji dengan kehilangan mereka

yang tersayang, upacara pengebumian hanya dapat dilihat dari jauh tanpa dapat melihat wajah mangsa buat kali terakhir akibat keganasan wabak yang menyerang dunia kini. Hanya doa dari jauh dengan bayangan kenangan saat mangsa melangkah keluar dari rumah untuk ke pusat kuarantin.

Bagi skuad pengurusan jenazah mangsa COVID-19, menguruskan jenazah mengikut SOP adalah cabaran paling kritikal dari segi mental dan fizikal dengan pemakaian penuh

PPE walaupun dalam keadaan panas mahupun hujan dan peningkatan kematian akibat wabak ini. Mereka inilah yang menjadi penganti waris bagi mengebumikan orang tersayang walaupun ada di antara mereka sendiri telah kehabisan daya dan tenaga.

Disebabkan itu, sama-sama kita berdoa agar semua penderitaan ini akan berakhir secepat mungkin dengan mencapai imuniti kelompok dan dapat menjalani kehidupan seperti sebelum kehadiran COVID-19. **W.K**



PERSEDIANAN skuad pengurusan jenazah mangsa COVID-19 menguruskan jenazah mengikut SOP yang telah ditetapkan.

SKUAD pengurusan jenazah mangsa COVID-19 merupakan insan yang menjadi penganti waris bagi menguruskan pengebumian mangsa COVID-19.



RumahPrihatin@GrandSeasons 'penyelamat' rakyat

Jejak Prihatin kurangkan beban rakyat - Izzue Islam



FUNGSI Pusat Gerakan Jejak Prihatin adalah menggerakkan usaha mencari golongan-golongan terkesan dari pintu ke pintu untuk dihulurkan bantuan.

Usaha ini dilakukan oleh Sukarelawan Wilayah Prihatin (PriVo), Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP).

Bagi artis serba boleh **Izzue Islam**, 31, Jejak Prihatin ini dapat mengesas lebih ramai mereka yang tidak berkemampuan atau tidak cukup bekalan makanan.

"Dalam masyarakat kita, tidak semua yang berani tampil menyatakan kesusahan mereka. Apatah lagi sebelum ini mereka mampu hidup tanpa bantuan kerana mempunyai pendapat sendiri.

"Jadi, apabila kehilangan sumber pendapatan dan simpanan semakin susut, hidup mereka sekeluarga makin susah sehingga tidak cukup makan.

"Apabila difikirkan-fikirkan, memang sedih kerana mereka bukan sengaja untuk hidup susah tetapi situasi pandemik ini menguji mereka.

"Dengan adanya program Jejak Prihatin ini, golongan yang betul-betul memerlukan bantuan makanan dapat dikesan dengan mudah dan hidup mereka lebih terjamin.

"Ini secara tak langsung, Jejak Prihatin ini mengurangkan beban hidup serta rasa stres yang ada dalam diri. Walaupun bantuan makanan tidak boleh menyelesaikan masalah mereka sepenuhnya, sekurang-kurangnya bantuan ini dapat meringankan dugaan hidup yang dihadapi," jelas Izzue Islam yang popular dengan lagu *Sahabat dan Bimbang*.

Khidmat Vaksinasi Prihatin bantu capai hasrat kerajaan - Hasnol

RUMAH PRIHATIN@GRANDSEASONS turut menyediakan Khidmat Vaksinasi Prihatin (KVP).

KVP adalah perkhidmatan vaksinasi untuk golongan warga emas 60 tahun ke atas, orang kurang upaya (OKU), gelandangan, penjaja dan juga mereka yang memerlukan bantuan khas dalam usaha memperkasakan lagi Pelan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Bagi penyanyi *Lagu Ku Untuk Mu*, **Hasnol**, 51, KVP mampu membantu hasrat kerajaan untuk mempercepatkan proses vaksinasi dalam kalangan masyarakat.

"Seperti mana yang kita semua tahu, vaksin COVID-19 adalah untuk mengawal penularan wabak berbahaya ini. Apabila semakin ramai menerima suntikan vaksin, maka semakin berkuranglah risiko jangkitan COVID-19."

"Alhamdulillah, jika dulu ada sesetengah pihak yang meragui kepentingan vaksin, sekarang ramai yang tidak sabar malah tertunggu-tunggu tarikh janji temu vaksin mereka."

"Jadi KVP ini sangat penting kepada masyarakat. Dengan adanya RumahPrihatin@GrandSeasons, proses vaksin untuk warga wilayah menjadi semakin cepat dan tidak perlu tunggu lama."

"Lagi pun usaha ini memang selaras dengan hasrat kerajaan mahukan seramai mungkin rakyat mendapatkan vaksin. KPV adalah salah satu cara untuk mencapai target ini."

"Jadi, warga wilayah seharusnya memanfaatkan kemudahan yang kerajaan sediakan ini demi kebaikan semua," jelasnya.



DEEL ANJER

RUMAH PRIHATIN@GRANDSEASONS, Kuala Lumpur ditubuhkan baru-baru ini bagi membantu meringankan beban rakyat terutamanya warga Wilayah Persekutuan yang terkesan pandemik COVID-19.

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Yayasan Wilayah Persekutuan bekerjasama dengan Hotel Grand Seasons Kuala Lumpur menjadikan premis ini berkonsepkan hotel kebajikan.

Enam komponen utama yang ditawarkan adalah Dapur Prihatin, Bilik Penginapan Prihatin, Klinik Kesihatan Mental Prihatin (KKMP), Khidmat Vaksinasi Prihatin (KVP), Pusat Gerakan Jejak Prihatin dan bank makanan.



BELLA ASTILLAH

Dapur Prihatin bantu masyarakat teruskan hidup - Bella Astillah

DAPUR Prihatin adalah dapur berpusat yang menyediakan 1,000 pek makanan setiap hari untuk diedarkan kepada golongan yang tidak berkemampuan, petugas barisan hadapan, gelandangan serta fakir miskin.

Bagi penyanyi popular, **Bella Astillah**, 27, inisiatif tersebut merupakan satu langkah bijak memandangkan ramai yang terkesan disebabkan penularan COVID-19.

"Mereka yang ada pekerjaan pun terkesan dengan situasi sekarang. Ramai antara mereka berkira-kira dalam membeli keperluan makanan."

"Apatah lagi golongan yang tidak berkemampuan, kehilangan pekerjaan dan gelandangan. Bayangkan, bagaimana mereka mahu makan sehari-hari sedangkan tiada pendapatan."

"Jadi, Dapur Prihatin sangat memenuhi keperluan asas masyarakat iaitu makanan bagi meneruskan kelangsungan hidup. Saya yakin, Dapur Prihatin adalah satu harapan buat mereka," katanya.

Menurutnya, dalam keadaan masyarakat tidak bebas bergerak dan ekonomi semakin membimbangkan, agak sukar untuk golongan B40 meraih pendapatan sendiri.

"Saya tahu ada antara mereka bermula kecil-kecilan, namun Dapur Prihatin boleh mengurangkan beban mereka sehari-hari terutamanya bagi sebuah keluarga yang mempunyai ramai anak," ujar Bella yang popular dengan lagu *Tenang*.

Bank Makanan langkah terbaik - Shihah Zikir

FOOD bank atau bank makanan yang disediakan oleh RumahPrihatin@GrandSeasons adalah sumbangan makanan kering kepada golongan rentan bandar yang memerlukan.

Sumbangan daripada kerajaan, badan korporat, badan bukan kerajaan (NGO) dan lain-lain ini dilakukan melalui Majlis Perwakilan Penduduk.

Menurut penyanyi lagu *Aewo*, **Shihah Zikir**, 33, bank makanan sangat diperlukan ketika rakyat berhadapan dengan cabaran pandemik COVID-19.

"Ini merupakan antara langkah terbaik dan tanda keprihatinan kerajaan kepada rakyat. Ia boleh meringankan beban atau membantu golongan kurang bernasib baik, gelandangan serta penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) yang adakalanya terpaksa 'mengikat perut' kerana masalah kewangan."

"Pendek kata, bank makanan ini adalah 'penyelamat' kepada mereka dalam saat-saat sukar begini. Kita harus akur, betapa ramai di luar sana tiada punca pendapatan."

"Apabila tiada pendapatan, sudah tentu bukan mudah untuk mereka mencukupkan bekalan makanan. Jadi hakikat yang tak boleh dinafikan, bank makanan banyak sebenarnya manfaat kepada masyarakat."

"Masyarakat Malaysia terkenal dengan sikap pemurah. Saya percaya, ramai pihak yang akan tampil mahu membantu dalam program bank makanan ini."

"Melalui RumahPrihatin@GrandSeasons pihak yang bermurah hati boleh menjayakan program bank makanan demi kelangsungan hidup rakyat," ujar Shihah yang juga aktif dalam bisnes kanta lekap.



SHIHAH ZIKIR



HASNOL



RUMAH PRIHOTIN @ GRAND SEASONS

Kuala Lumpur



Menyediakan makanan percuma untuk golongan fakir miskin, gelandangan, petugas barisan hadapan, musafir dan mereka yang tidak berkemampuan.

011-7074 2927



300 bilik penginapan tersedia bagi golongan musafir, petugas barisan hadapan, atau mana-mana pihak yang memerlukan tempat penginapan sementara.

Bilik penginapan mampu bayar bermula dari RM30/malam.

011-7073 6458



- One Stop Centre -
Menerima makluman berkenaan golongan miskin bandar agar sukarelawan PriVo, MPPWP dan NGO turun ke padang untuk menyantuni kumpulan sasar tersebut agar bantuan yang diperlukan dapat dikenalpasti dan dibantu sewajarnya.

011-7073 8633



Sumbangan makanan kering kepada golongan rentan bandar yang memerlukan melalui MPPWP dan sukarelawan.

Sumbangan daripada badan korporat, NGO dan lain-lain untuk tujuan ini amat dialu-alukan.

011-7110 7898



Khidmat kaunseling secara outpatient kepada individu, keluarga, atau kelompok yang memerlukan sokongan emosi.

Dilaksanakan dengan penuh kerahsiaan oleh kaunselor dan doktor bertauliah.

011-7073 8412



Golongan kurang upaya, warga emas, golongan rentan, peniaga, penjaja dan gelandangan yang belum mendapat temujanji suntikan vaksin di mana-mana PPV.

011-7074 2318

#RumahPrihatin

Resipi masakan hari raya guna air fryer



SABRINA SABRE

APABILA tiba hari raya, pasti ramai sibuk memikirkan juadah makanan yang senang dibuat di pagi raya. Betul tak? Lebih-lebih lagi tahun ini kita akan beraya di rumah masing-

masing tanpa ahli keluarga yang pakar memasak.

Namun ini tidak bermakna kita semua tidak dapat menikmati kesemua makanan raya kegemaran pada musim Pelan Pemuliharan Negara Fasa 1 ini kan?

Kali ini *Wilayahku* kongsikan lima resipi mudah yang boleh dibuat di pagi raya menggunakan *air fryer*. Fuh senangnya! Barulah rasa macam hari raya!



Sate Ayam

BAHAN-BAHAN

Dada ayam dihiris panjang
Bawang putih
Serai
Kunyit hidup
2 sudu besar gula perang

CARA PENYEDIAAN

- 1) Kisar semua bahan kecuali dada ayam.
- 2) Campurkan bahan kisar dengan sos tiram, garam, ayam dada dan perap selama 1-2 jam.
- 3) Cucuk bahan perapan dengan lidi.
- 4) Bakar suhu 160°C selama 10 minit. Terbalikkan dan tambah lagi bakar selama 5 minit.



Kuah Kacang

BAHAN A

500 gram kacang
6-7 ulas bawang merah
5 ulas bawang putih
3 cm halia
3 cm lengkuas
3 barang serai

BAHAN B

Gula merah/gula
Cili kisar
Air
Minyak
Garam/perisa secukup rasa

CARA PENYEDIAAN

- 1) Bahan-bahan A disangai tanpa minyak dalam *air fryer* dengan suhu 160°C selama 15 minit hingga masak.
- 2) Kisar bahan A.
- 3) Satukan kacang yang telah dikisar bersama gula merah, cili kisar, garam, serbuk perasa, air dan minyak ke dalam kuali.
- 4) Kacau sebatik, masak sehingga naik bau.
- 5) Siap dan boleh dihidangkan bersama ketupat, rojak mee, sate dan apa saja mengikut cita rasa anda.



Ketupat Palas

BAHAN-BAHAN

1 kg beras pulut susu
1 kg santan pekat
1 cawan air
1 1/2 sudu kecil garam
2 ikat daun pandan

CARA PENYEDIAAN

- 1) Basuh beras pulut dan toskan airnya. Campurkan santan, air, garam dan daun pandan ke dalam periuk.
- 2) Masak dengan api sederhana sehingga hampir mendidih dan terus masukkan beras pulut. Masak sehingga

likat.
3) Apabila pulut dah sejuk, masukkan ke dalam daun ketupat palas. Ikat ketat dan kemas, dan simpulkan tangainya supaya semasa masak nanti pulut tidak terburai dan air tak masuk ke dalam daun.

- 4) Masukkan kesemua pulut yang dah siap ke dalam periuk, isi air hingga paras tinggi ketupat.
- 5) Kemudian masak hingga airnya kering.
- 6) Sebelum goreng di *air fryer* pastikan letak di dalam peti sejuk terlebih dahulu, goreng pada suhu 200°C selama 20 minit.

Lemang Cawan

BAHAN-BAHAN

2 cawan beras pulut
2 cawan santan pekat
1/2 cawan air
1 sudu teh garam
Daun pandan
Cawan kertas

CARA PENYEDIAAN

- 1) Basuh beras pulut sehingga bersih.
- 2) Rendam beras pulut di dalam air selama 2 jam.
- 3) Kemudian toskan air. Basuh bersih dan rendam dengan air santan dan garam selama 30 minit.
- 4) Alas cawan dengan daun pandan sementara menunggu.
- 5) Isikan beras ke dalam cawan dan tuang santan mengikut paras beras pulut.
- 6) Panaskan *air fryer* pada suhu 180°C selama 5 minit.
- 7) Masukkan beras pulut yang telah diisi dalam cawan ke dalam *air fryer*.
- 8) Bakar 1: 180°C selama 30 minit.
- 9) Bakar 2: 160°C selama 10 minit.
- 10) Dah siap, biarkan selama 10 minit dalam *air fryer* sebelum dikeluarkan.
- 11) Kemudian boleh dihidangkan lemang bersama juadah pilihan.



Ayam Bakar Rendang

BAHAN-BAHAN

1/2 ekor ayam dipotong
2 paket kecil kerisik
5 helai daun limau purut
1 1/2 sudu besar gula pasir
1/2 sudu besar garam
1 sudu kecil serbuk perasa

1 keping asam gelugur
3 helai daun kunyit dihiris halus
1 1/2 cawan air

BAHAN KISAR

Bawang merah
Bawang putih
Halia
Lengkuas
Serai

CARA PENYEDIAAN

- 1) Gaul sebatik semua bahan bersama ayam.
- 2) Bakar suhu 160°C selama 20 minit.
- 3) Terbalikkan ayam dan bakar lagi selama 20 minit.
- 4) Nak bagi garing sikit naikkan kepada suhu 190°C selama 5 minit pada setiap belah.

Empat filem yang pasti membuat anda geli hati



Pasal Kau

Pengarah: Adrian Teh
Pelakon: Hairul Azreen, Janna Nick

JUGA dikenali sebagai *All Because of You* merupakan filem romantik komedi yang mengisahkan Jane (Janna Nick) cuba untuk memikat hati crushnya, iaitu Aiman (Hairul Azreen).

Namun setiap usaha Jane seperti bertepuk sebelah tangan apabila Aiman tidak pernah menganggapnya lebih daripada seorang kawan kerana karakternya seperti seorang lelaki.

Suatu hari, tiga orang wanita cantik telah mendaftar masuk ke hotel mereka bekerja dan Aiman telah jatuh hati pada salah seorang wanita tersebut, iaitu Sofia (Sophia Barakbah). Walaupun hati Aiman

hanya kepada Sofia, Jane tetap berusaha untuk memikat Aiman, sehingga berlaku satu kejadian di hotel mereka, di mana Aiman akhirnya tahu hatinya milik siapa.

Dikatakan kisah cinta dan konsep kisah di hotel ini datang dari kisah benar Hairul sendiri meskipun hanya 30 peratus yang sama.

Lawak yang digunakan jugak merujuk kepada dua buah filem *Paskal* dan juga *Wira*. Bagi sesiapa yang belum menonton dua filem tersebut mungkin tidak dapat menangkap *punchline-punchline* yang diberikan.

Jadi tonton kedua-dua filem tersebut terlebih dahulu bagi membantu anda memahami lawak yang disampaikan dalam filem *Pasal Kau* ini.



Murder Mystery

Pengarah: Kyle Newacheck
Pelakon: Adam Sandler, Jennifer Aniston

DIBINTANGI oleh dua bintang terkenal, Adam Sandler dan Jennifer Aniston mengisahkan sepasang suami isteri Nick Spitz (Adam Sandler) dan Audrey Spitz (Jennifer Aniston) yang telah berkahwin selama 15 tahun tanpa mempunyai anak. Nick merupakan seorang pegawai polis manakala Audrey adalah pendandan rambut yang suka membaca novel. Untuk menghilangkan rasa bosan, Nick membawa isterinya untuk bercuti ke Eropah bagi meraikan ulang tahun perkahwinan ke-15.

Dalam perjalanan, Audrey bertemu dengan Charles Cavendish (Luke Evans) di dalam pesawat. Charles seorang orang kaya yang kemudian mengajak mereka untuk mengambil bahagian dalam pesta keluarga di

sebuah kapal layar (kapal mewah).

Namun, sebuah kejadian tidak diingini berlaku apabila Paman Charles, Malcolm Quince terbunuh.

Lebih memburukkan keadaan apabila Nick dan Audrey dituduh sebagai pembunuh yang terlibat dalam pembunuhan tersebut.

Pelbagai aksi menarik yang mencuit hati dalam perjalanan mereka berdua mencari pembunuh sebenar.

Lakonan komedi Adam masih belum hilang bisanya apabila menjadikan babak-babak yang baik dengan dialog yang melucukan.

Malah, lakonan Adam Sandler dan Jennifer Aniston yang turut disokong dengan lakonan Luke Evans berjaya menjadikan *Murder Mystery* lebih dari sekadar filem gred B. Memang keserasian mereka terserah sekali gus menjadikan filem ni enak untuk dilayan.



DIANA SYUHADA MOHD AMIR

Jika seseorang individu ketawa, otak kita akan melepaskan bahan yang disebut *endorphin* dan dapat meningkatkan kemampuan kita untuk mengabaikan kesakitan.

Salah satu cara mudah untuk mendorong orang ketawa adalah dengan menonton filem komedi dan mencari filem bergenre komedi tidaklah sukar kerana banyak filem turut

mengetengahkan unsur kelakar di dalam jalan cerita mereka bagi menambah seri dan tidak bosan.

Jika anda berminat untuk ketawa sambil menonton televisyen pada hujung minggu ini, berikut *Wilayahku* kongsikan antara cadangan filem komedi terbaik di Netflix. Anda dijamin akan ketawa terbahak-bahak sambil menontonnya. WK

The Con-Heartist

Pengarah: Mez Tharatorn
Pelakon: Baifern Pimchanok, Nadech Kugimiya, Bank Thiti

THE CON-HEARTIST menceritakan kisah seorang pegawai bank bernama Ina. Ina mempunyai seorang teman lelaki yang merupakan pelajar kolej bernama Petch, namun tidak mengetahui bahawa teman lelakinya seorang *playboy*. Ina berhutang ratusan ribu baht untuk menolong Petch yang mendakwa dia memerlukan wang untuk kuliah dan perniagaan. Setelah meminjamkan wang kepada Petch, Ina dibiarkan begitu sahaja sehingga dia harus hidup dalam hutang dan demi melunaskan hutangnya, dia



The Intern

Pengarah: Nancy Meyers
Pelakon: Anne Hathaway, Robert De Niro

DITERBITKAN pada tahun 2015, sebuah filem yang sesuai untuk ditonton bersama anak-anak pada waktu lapang.

Filem drama komedi ringan ini mengisahkan seorang lelaki, Ben Whittaker yang telah bersara daripada kerjayanya iaitu seorang ahli perniagaan. Dia hanya merasa sunyi apabila memasuki usia persaraan. Menariknya, Ben telah mula mencari pekerjaan di serata tempat dan akhirnya berjaya dipanggil temu duga di sebuah syarikat yang mengelolakan perniagaan fesyen di atas talian. Ben telah diterima bekerja sebagai pelatih senior. Ben ditugaskan untuk bertugas di bawah seliaan Jules Ostin yang merupakan seorang isteri dan ibu muda kepada seorang anak.

Jules sibuk mengukuhkan kedudukan perniagaannya membuatkan jadualnya sangat



terpaksa menjimatkan perbelanjaannya. Kisah tersebut dikongsi oleh Ina melalui vlognya dengan harapan akan ada yang sudi membantu.

Suatu hari, Ina hampir menjadi sasaran penipuan oleh Tower (Nadech Kugimiya), seorang penipu. Namun, kerana pekerjaannya sebagai pegawai bank, Ina berjaya mengetahui identiti sebenar Tower dan merancang untuk membongkarnya. Tower kemudian berjanji akan membantu Ina untuk melunaskan sebahagian hutangnya dengan syarat rakaman perbualan mereka di telefon dihapuskan. Pertemuan antara Ina dan Tower menjadikan mereka berdua terlibat dalam pengembalaan yang menarik untuk membala dendam terhadap Petch. Namun, Petch yang juga penipu tidak mudah untuk ditipu kerana dia sentiasa berhati-hati dalam setiap tindak tanduknya. Apakah jalan terakhir yang akan digunakan mereka untuk menipu Petch?

padat dan kehilangan masa dalam menguruskan keluarganya. Suatu hari, Jason iaitu rakan dan sahabat perniagaannya memberikan idea buat Jules mengambil seorang pelatih senior. Namun Jules enggan. Tanpa mempedulikan Jules, Jason menerima Ben sebagai pelatih senior di syarikat tersebut bagi membantu memberi nasihat dan berkongsi pengalamannya kepada Jules yang sangat memerlukan bimbingan orang lama dalam membina dan mengukuhkan lagi empayarnya.

Akibat kedinginan yang ditunjukkan oleh Jules terhadap Ben, Jules telah bertindak membuat satu keputusan yang salah dan ianya memberikan satu penyesalan. Ben pula dalam masa yang sama memerhati dan bertindak sebagai pelatih senior yang lebih kepada bersifat seorang ayah menyelamatkan kehidupan anaknya. Berjayakah Ben menyelamatkan dan menasihati Jules dalam kehidupannya sebagai seorang isteri, ibu muda dan ketua dalam perniagaan? Antara yang menarik dalam filem ini juga adalah ia memaparkan gabungan budaya kerja era ibu bapa dengan anak muda masa kini dan tentang bagaimana dua generasi ini berfikir secara kritis dan kreatif.

LABUANfm bantu golongan OKU



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

ATAS keprihatinan terhadap golongan orang kurang upaya (OKU) di Pertubuhan Pemuliharaan Dalam Komuniti (PPDK) yang turut terjejas akibat penuh larangan wabak COVID-19, Sinergi LABUANfm tampil menyalurkan bantuan bakul makanan kepada golongan itu.

Pengarah Penyiaran Labuan, Aminah Samsudin Mohd berkata, program itu merupakan salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) penyampai radio dan kakitangan LABUANfm untuk membantu golongan OKU di PPDK dan ahli-ahli Persatuan Bagi Orang-Orang Istimewa Labuan (PBOOIL) yang

terjejas akibat pandemik COVID-19 melanda negara.

Katanya, seramai 70 orang pelatih PPDK dan ahli PBOOIL menerima pengagihan kit makanan secara pandu lalu di perkaran pejabat JKM Labuan.

"Antara objektif pelaksanaan program adalah untuk menunjukkan kecaknaan terhadap kepentingan membantu golongan yang terjejas dengan menyampaikan bantuan kepada mereka agar tidak merasa tersisih terutama dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Pulau Labuan kini.

"Selain itu, program ini juga dapat memupuk keprihatinan dalam masyarakat menerusi gandingan kerjasama antara jabatan, agensi kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO)," katanya dalam satu kenyataan, pada Jumaat lalu.

Jelas Aminah lagi, LABUANfm bukan sahaja berperanan menyebar-

luaskan inisiatif dan mesej kerajaan menerusi siaran radio dan media sosial tetapi juga turut menyantuni mereka yang memerlukan.

Sementara itu, wakil Dorsett Grand Hotel, Micheal Andin berkata, pihaknya sentiasa menyantuni golongan OKU setiap tahun dengan melaksanakan pelbagai program.

Micheal berkata, pada tahun ini pihaknya telah sumbangkan sebanyak 70 bakul makanan kepada golongan OKU kerana setiap tahun pihaknya mengadakan program bersama OKU seperti program berbuka puasa dan sebagainya.

"Oleh kerana pandemik COVID-19 kita hanya menyumbangkan bakul makanan kepada mereka.

"Kita akan teruskan sokongan dan program CSR dengan NGO dan golongan yang kurang berkecukupan di Labuan termasuk mempertimbangkan pelbagai bentuk bantuan yang lain," katanya. WK



MICHEAL (dua dari kanan) menyampaikan bakul makanan kepada penerima dan turut disaksikan Pengarah JKM Labuan, Ansharey Matarsad (hujung kanan).



RITHUAN (kanan,belakang) meninjau sendiri kerja-kerja ujian saringan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan kepada penduduk lokality Saguking.

JPBD pergiat langkah pengesahan kes aktif dilokaliti Saguking

MESKIPUN Wilayah Persekutuan Labuan kini mencatatkan penurunan angka kes positif COVID-19, namun Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Labuan dan Jabatan Kesihatan Negeri Labuan terus melaksanakan langkah pencegahan wabak itu giat dijalankan bagi memastikan Labuan bebas dari wabak itu.

Pengerusinya, Rithuan Ismail berkata, langkah pencegahan seperti pengesahan kes aktif (ACD) masih dipergiatkan dikawasan penempatan settingan khususnya di beberapa

lokaliti yang didiami oleh warga asing.

Katanya, JPBD dan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Labuan melaksanakan pengesahan kes aktif dikawasan Saguking penempatan settingan merupakan kesinambungan dari Ops Bersih COVID-19 yang dilakukan di dua kawasan sebelum ini.

"Kita akan memastikan kes semua penduduk di lokaliti Saguking ini menjalani ujian saringan COVID-19 bagi memastikan jumlah kes positif COVID-19 harian berkurangan dengan mengambil langkah

yang lebih ketat," katanya kepada pemberita pada ketika menyertai pasukan kesihatan JKN melaksanakan pengesahan kes aktif di lokaliti Saguking, baru-baru ini.

Tambah beliau lagi, setakat ini dianggarkan seramai 1,800 individu membabitkan setiap keluarga telah diambil ujian saringan dan diteruskan secara berperingkat.

"Kesemua mereka yang disaring merupakan setiap ahli keluarga dari 600 buah rumah di lokaliti itu telah menjalani ujian saringan COVID-19," katanya lagi. WK

MAIWP salur bantuan RM5.3 juta kepada golongan terjejas di Labuan

MAJLIS Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan telah menyalurkan bantuan kepada golongan terjejas di Pulau Bebas Cukai itu menerusi pelaksanaan Musaadah COVID-19 membabitkan jumlah agihan sebanyak RM5.3 juta.

Menerusi kenyataan yang dikeluarkan baru-baru ini, MAIWP memaklumkan bantuan itu telah disalurkan sepanjang bulan Januari sehingga 16 Julai tahun ini.

Jelasnya, bantuan kecemasan bagi golongan yang hilang pekerjaan dan mengalami pengurangan gaji ketika pandemik COVID-19 melanda negara merupakan bantuan yang mencatatkan jumlah tertinggi iaitu

melibatkan 1.8 juta kepada 3,785 individu.

Selain itu, seramai 413 peniaga yang terkesan turut menerima bantuan Musaadah Tijariyah bernilai sejumlah keseluruhan RM1.2 juta.

MAIWP juga menyalurkan kepada golongan mualaf yang melibatkan seramai 543 individu dengan jumlah keseluruhannya RM 271,500.

Dalam pada itu, MAIWP juga menyalurkan bantuan lampin pakai buang dan susu formula bayi bernilai RM20,000 melibatkan 334 pak lampin pakai buang bayi dan 463 bungkus pelbagai jenama susu formula bayi. WK



PENGURUS MAIWP Labuan Ustaz Fadzli Md Saad (hujung kanan) menyampaikan cek simbolik bantuan lampin pakai buang dan formula susu bayi kepada pengarah JKM Ansharey (dua dari kanan) untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan.

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

Pesakit kanser terima kerusi roda sumbangan MPP Parlimen Batu

SYAHIDI BAKAR

KOMITMEN Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Parlimen Batu menjaga kebajikan penduduk setempat telah pun terbukti malah bantuan terkini kerusi roda kepada pesakit kanser yang memerlukan amat dihargai.

Menurut Penyelaras Parlimen Batu, **Ustaz Azhar Yahya**, sumbangan diberi kepada Faridah Zakaria pengidap kanser tahap 4, akan membantu dirinya bergerak seterusnya dapat meringankan beban yang ditanggung olehnya selama ini.

Katanya, selain sumbangan kerusi roda, bantuan lain turut diberikan kepada warga memerlukan di Taman Dato' Senu disampaikan oleh Pengerusi MPPWP Sub Zon 2, Abu Bakar Abdul Rahman itu adalah sebahagian usaha murni bagi membantu warga yang berdepan kesusahan.

"Sumbangan kepada mereka yang memerlukan di Taman Dato' Senu ini termasuklah Faridah, selari dengan konsep Wilayah Prihatin yang merupakan asas penting menyantuni rakyat golongan sasar.



FARIDAH, pengidap kanser tahap 4, menerima bantuan kerusi roda selain lampin pakai buang untuk kegunaan anak-anaknya yang masih kecil yang disampaikan oleh MPPWP Subzon 2, Parlimen Batu, baru-baru ini.

"Bantuan kepada Faridah adalah wajar kerana dia amat memerlukan tambahan pula anak lelakinya seorang pemandu kini tidak dapat



AZHAR Yahya menyampaikan sumbangan kepada salah seorang warga penduduk dalam kategori B40 yang memerlukan bantuan.

meneruskan pekerjaan akibat pandemik COVID-19 ini," katanya juga Penasihat Kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Selain kerusi roda Faridah yang mempunyai tujuh anak masih kecil turut diberi lampin pakai buang untuk kegunaan seterusnya menjimatkan sedikit belanja isi rumah.

Menurut Azhar, MPPWP Zon dan Sub Zon Batu, sentiasa komited membantu penduduk

setempat memerlukan selain turut mengalui-alukan sesiapa sahaja berkemampuan memberikan sumbangan supaya lebih ramai golongan memerlukan dapat dibantu.

Sementara itu, keluarga Faridah diwakili menantu beliau mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak kerajaan dan Kementerian Wilayah Persekutuan atas inisiatif sumbangan diberikan. **W.K**

Kebajikan 60 penduduk transit tidak diabai PKB

PERBADANAN Pembangunan Kampong Bharu (PKB) tidak pernah mengabaikan kebajikan serta keperluan 60 penduduk transit Sungai Baru yang menetap di Kerinch Residensi ketika ini.

Malah kata Pengerusinya, **Datuk Affendi Zahari**, PKB sentiasa peka dan prihatin dengan kekangan dialami oleh semua penduduk terutama di dalam situasi penularan wabak COVID-19 ketika ini yang menjelaskan segenap aspek kehidupan.

"Atas dasar itu, PKB tidak pernah lupakan mereka malah sentiasa mencari solusi untuk membantu sedaya mampu.

Hari ini Program Bantuan Bakul Makanan yang dilaksanakan adalah sebahagian daripada usaha berterusan PKB dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Pemilik Hartanah Kampung Sungai Baru dalam membela nasib ke semua penduduk," katanya semasa lawatan ke Kerinch Residensi, baru-baru ini.

Sesi lawatan sambil menyerahkan bantuan Bakul Makanan kepada penduduk itu turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKB, Datuk TPr Lokman Omar dan Pengerusi Persatuan Kebajikan Pemilik Hartanah Kampung Sungai Baru, Zulfakar Wahab serta Abdul Hadi Ahmad,



AFFENDI Zahari (dua dari kiri) bersama-sama Lokman Omar diberi penerangan berkenaan rumah contoh Kerinch semasa lawatan PKB baru-baru ini.

mewakili Suez Capital.

Semua pelawat turut meluangkan masa kira-kira sejam untuk meninjau lot-lot kediaman Residensi Kerinch yang dijadikan rumah transit sementara bagi penduduk Sungai Baru.

Sementara itu, agihan barang kering antaranya beras, minyak masak, kicap, bihun, susu, tepung dan lain-lain bahan keperluan harian yang setiap satunya



AZHARI dan Lokman (tengah) menyerahkan Bakul Makanan kepada dua orang wakil daripada 60 penduduk Kampung Sg. Baru yang kini menetap di rumah transit Kerinch Residensi, di Lembah Pantai.



**Soalan**

A SSALAMUALAIKUM WBT. Saya ingin bertanya, dalam musim pandemik ini terdapat ramai orang yang susah.

Jadi manakah yang lebih utama, melaksanakan ibadah korban atau sedekah kepada orang susah? Mohon pencerahan.

Jawapan

Waalaikumussalam. Alhamdulillah segala puji dan syukur kami panjatkan kepada Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, para isteri dan keluarga baginda, para sahabat, seterusnya golongan yang mengikuti jejak langkah baginda sehingga hari kiamat.

Pandemik COVID-19 telah memberikan kesan yang besar kepada kegiatan ekonomi dan sosial masyarakat.

Pada masa kini, kita dapat melihat golongan susah bertambah ramai kerana kehilangan pekerjaan dan tidak dapat keluar mencari rezeki kerana sekatan terhadap pelbagai sektor.

Pelbagai pihak sama ada individu atau agensi kerajaan tampil memberikan bantuan berupa bakul makanan, sumbangan wang tunai dan sebagainya bagi membantu meringankan beban serta memastikan bekalan makanan tidak terputus.

Justeru, kedatangan hari raya Aidiladha pada tahun ini menimbulkan tanda tanya kepada masyarakat, manakah yang lebih afdal antara meneruskan sedekah kepada fakir miskin ataupun melakukan ibadah korban?

Korban ialah ibadah yang paling afdal untuk dilakukan pada hari raya Aidiladha dan 3 hari Tasyriq (10, 11, 12 dan 13 Zulhijjah).

Hal ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada

Korban dan sedekah dalam musim pandemik, manakah yang lebih afdal?



BERSEDEKAH dengan nilai korban adalah lebih utama daripada melakukan ibadah korban itu sendiri di musim pandemik.

Saidatina Aisyah R.Anha bahawa Nabi SAW bersabda:

"Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak adam pada hari al-Nahr (Hari Raya Aidiladha) yang lebih dicintai oleh Allah selain daripada menumpahkan darah (binatang korban)."

Sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat dengan tanduknya, bulunya dan kukunya dan sesungguhnya darah tersebut akan sampai kepada redha Allah SWT sebelum ia jatuh ke bumi. Maka, bersihkanlah jiwa kamu (dengan berkurban)."

Riwayat al-Tirmizi (1493)

Hadis ini menunjukkan bahawa ibadah yang paling afdal untuk dilaksanakan pada hari raya Aidiladha adalah dengan menumpahkan darah iaitu melakukan korban.

Hal ini kerana ia (haiwan korban) akan datang pada hari akhirat sepertimana keadaannya

di dunia tanpa sebarang kecacatan dan setiap anggota binatang itu terdapat padanya ganjaran (pahala).

Selain itu, ia juga akan menjadi tunggangan orang yang berkurban itu ketika melintasi titian sirat. (Rujuk: *Tuhfah al-Ahwazi*, 5/61)

Malah, sebahagian ulama berpendangan bahawa ibadah korban adalah wajib.

Bahkan korban juga merupakan syiar Islam yang mestinya ditonjolkan dalam masyarakat berbeza dengan sedekah sunat.

Perkara ini disebutkan oleh Imam al-Nawawi di dalam kitab al-Majmuk:

"Menurut mazhab kami, korban adalah lebih afdal daripada sedekah sunat berdasarkan hadis-hadis yang masyhur mengenai kelebihan ibadah korban dan kerana para ulama turut berselisih pandangan

mengenai kewajipannya berbezanya dengan sedekah sunat. Ini kerana korban merupakan syiar yang zahir" (Rujuk: *al-Majmuk Syarh al-Muhadzzab*, 8/425).

Tambahan pula, korban itu sendiri merupakan suatu jenis sedekah yang mesti diberikan kepada fakir miskin.

Malah tidak sah korban jika tidak diberikan bahagian daging dengan kadar yang mengenyangkan kepada sekurang-kurangnya seorang fakir miskin (Rujuk: *Mughni al-Muhtaj*, 4/291).

Perkara yang dinyatakan ini adalah hukum fiqh pada keadaan yang biasa.

Namun dalam keadaan pandemik COVID-19 yang sedang kita hadapi sekarang, kami melihat bersedekah dengan nilai korban adalah lebih utama daripada melakukan ibadah korban itu sendiri jika yang ingin berkurban itu tidak ada wang lain untuk bersedekah.

Pada musim pandemik ini, ramai masyarakat tidak memperoleh keperluan asasi yang cukup seperti keperluan kewangan, makanan asasi dan seumpamanya.

Selain itu, pendekatan ini juga dilihat lebih dekat kepada maqasid syariah iaitu untuk memelihara nyawa (*hifz nafs*).

Hal ini kerana kekurangan terhadap aspek keperluan asas boleh menjelaskan kesihatan sehingga mengancam nyawa seseorang itu.

Oleh yang demikian, dalam hal ini menjaga nyawa dan kesihatan adalah lebih diutamakan.

Tambahan pula, golongan yang susah kini lebih memerlukan barang asas, makanan asasi dan wang berbanding daging untuk

dimakan.

Bertepatan dengan kaedah fiqah yang dinyatakan oleh Imam al-Suyuti di dalam kitab al-Asybah wa al-Nazair:

*"Amalan yang menjangkau manfaatnya kepada orang ramai adalah lebih baik daripada amalan yang manfaatnya terbatas" (Rujuk: *al-Asybah wa al-Nazai'r*, 1/144)*

Berdasarkan kaedah ini, kita lihat bahawa memberikan sedekah berupa nilai korban itu adalah lebih utama berbanding ibadah korban kerana sedekah memberikan lebih banyak manfaat kepada orang ramai berbanding daging korban pada ketika ini.

Kesimpulannya, dalam keadaan yang normal seperti sebelum pandemik, ibadah korban adalah perkara yang paling afdal berbanding segala amalan lain pada hari raya Aidiladha dan 3 hari Tasyriq.

Namun, ketika pandemik COVID-19 ini, jika ada yang memerlukan wang tunai berbanding daging, maka bersedekah dengan nilai korban itu adalah lebih utama daripada melakukan ibadah korban itu sendiri.

Dalam keadaan ramai rakyat yang tiada duit dan makanan, maka barang keperluan dan kewangan lebih diperlukan berbanding daging korban.

Namun, bagi mereka yang berkemampuan untuk berkurban adalah dinasihatkan agar tidak meninggalkan ibadah ini kerana hukum asal korban tetap sunat muakkad.

Ia juga bagi memastikan agar syiar ibadah korban tidak lenyap di samping dapat menyalurkan sumbangan kepada fakir miskin demi memelihara keperluan bekalan makanan mereka.

Wallahu A'lam.

Luahan pesakit COVID-19 di MAEPS Serdang pada Hari Raya Aidil Adha

SABAR dan reda"… itulah luahan pesakit yang ditempatkan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) Bersepadu 2.0 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di pagi Hari Raya Aidiladha.

Samsiah Safar, 61, berkata perasaan saya kerana berjauhan daripada keluarga ketika sambutan hari raya yang lazimnya disambut bersama sebelum ini.

"Memang rasa sedih kerana tidak pernah berpisah dengan anak dan cucu. Yang paling membuatkan hati ini sedih adalah suami dan anak-anak kata tahun ini tidak dapat makan rendang 'mak', katanya sam-

bil menyapu air mata yang mengalir.

Samsiah yang dimasukkan ke pusat kuarantin sejak lima lepas kini berada di kategori ketiga iaitu radang paru-paru tetapi tidak memerlukan oksigen kini semakin sembuh.

"Makcik reda dan berserah dengan ujian ini. Saya harap semua rakyat Malaysia supaya patuh segala SOP (prosedur operasi standard) dan bertanggungjawab dengan mengambil vaksin demi melindungi diri, keluarga dan masyarakat," katanya.

Bagi **Adif Nazman**, 13 tahun pula, satu-satunya doa pada Hari Raya

Aidiladha tahun ini adalah kesembuhan ayahnya yang kini kritis di Hospital Banting sejak dimasukkan empat hari lepas.

Beliau yang mendapat jangkitan daripada ayahnya, kini dikuarantin seorang diri tanpa ahli keluarga disisi.

"Ayah kini memerlukan oksigen dan saya berdoa agar ayah kuat dan cepat sembuh. Doa juga untuk ibu yang dirawat di Hospital Sungai Buloh. Itulah doa saya setiap hari buat ayah dan ibu," katanya yang sudah dikuarantin selama empat hari.

Bagi **Noor Azilah Sahlan**, 47, hari raya tahun ini amat memilukan

setelah pemergian suami tercinta pada Jumaat lepas.

"Saya reda dengan pemergian suami, di hari yang mulia ini orang lain yang hanya berjauhan dengan keluarga untuk sementara waktu, berbeza dengan saya," kata ibu kepada enam cahaya mata.

Suami beliau dimasukkan ke Hospital Klang pada 5 Julai namun meninggal dunia Jumaat lepas dan selamat dikebumikan semalam.

"Saya terkilan tidak dapat tengok wajah suami buat kali terakhir. Proses pengebumian arwah suami yang dirakam anak saya kini akan menjadi peneman saya," katanya

sambil menahan sebak.

Siti Zaleha Uda, 69 pula berdoa agar suami yang kini berada di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) cepat sembuh kerana sudah 10 hari masih tidak sedarkan diri.

"Sebak kerana suami masih di hospital bertarung nyawa. Doa saya setiap hari untuk suami supaya dia cepat sembuh dan dapat berjumpa lagi. Alhamdulillah anak-anak yang akan habis kuarantin 24 Julai ini dan mak doakan semua sihat dan dilindungi. Jangan risaukan keadaan mak di sini kerana ada kawan-kawan dan petugas kesihatan yang bersama menjaga mak," katanya.

MyCareCov19: Empat kaedah JAKIM bantu ummah depani impak COVID-19

YUHANIZ BINTI MOHD YUSOP

Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Keluarga, Sosial & Komuniti
JAKIM

TIDAK dapat dinafikan bahawa wabak virus COVID-19 ini adalah situasi nyata yang melanda dunia khususnya negara kita Malaysia.

Akibat wabak yang melanda ini, kita rakyat Malaysia secara tidak langsung terlibat dalam keseluruhan norma baharu yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi mengekang penularan wabak ini.

Dalam arus norma baru dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, timbul perkara yang kita rasakan ianya memberi impak yang negatif kepada pembangunan negara, terutama dalam masalah kesihatan mental yang mana ia berpunca dari masalah sosial antaranya, masalah dalam hubungan kekeluargaan, kesihatan, persekitaran dan lain-lain.

Kemurungan merupakan penyebab utama ketidakupayaan (*disability*) dan boleh menjurus kepada putus asa seterusnya tingkah laku bunuh diri.

Kejadian bunuh diri akan memberi kesan kepada keluarga, masyarakat seterusnya negara. Menurut Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019, hampir setengah juta rakyat di negara didapati mengalami simptom tekanan atau depresi.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 465 kes cubaan bunuh diri antara Januari dan Jun tahun 2020.

Secara global, keadaan amat mencabar apabila seluruh dunia dilanda pandemik COVID-19 mengakibatkan krisis kesihatan yang turut memberi kesan kepada kesihatan mental individu.

Atas dasar yang dianjurkan oleh Al-Quran dalam surah Al-Maidah : ayat 2 yang bermaksud: "Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan



LAYANAN tetamu di kaunter KSK CareCentre di JAKIM Putrajaya.

permusuhan.

Bertakwalah kepada Allah, sungguh, Allah sangat berat siksaan-Nya," iaitu kita umat manusia hendaklah saling bantu-membantu dalam mengerjakan kebajikan dan supaya bertambah ketakwaan kita, maka dengan ini JAKIM tampil dengan menubuhkan Talian MyCareCov19 bagi menyantuni orang awam dengan pendekatan kerohanian.

Talian ini turut bersama-sama dengan talian dari agensi kerajaan lain dan NGO yang terlibat bagi menangani kemelut yang timbul ini.

JAKIM dengan modus operandi yang telah dikemas kini menyediakan empat kaedah untuk orang awam menghubungi bagi mendapatkan perkhidmatan yang telah disediakan.

Di antaranya ialah dengan cara menghubungi kami melalui talian WhatsApp di nombor 011-1959 8214.

Untuk pertanyaan berkaitan urusan Sistem Pengurusan Pernikahan Islam

Malaysia (SPPIM) orang awam boleh menghubungi terus urus setia di talian 017-6609760.

Selain dari itu, kami juga boleh dihubungi melalui medium emel di alamat mycarecov19@islam.gov.my dan yang terakhir orang awam boleh imbas QRCode yang telah disediakan dan mengisi *google form* bagi membolehkan pihak urusetia menghubungi semula pelanggan yang ingin berurusan.

Talian ini beroperasi dari hari Isnin hingga Jumaat setiap hari dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang.

Panggilan yang masuk ke talian ini akan dibantu urus oleh urusetia yang bertugas dan untuk kes kaunseling yang memerlukan kemahiran dan sesi lebih dari sekali akan dibantu sepenuhnya oleh Islamic Spiritual Care Counselor (ISCC) JAKIM dan Fasilitator KSKCareCentre JAKIM yang terdiri daripada Kaunselor Syarie, Terapis Psikospiritual Syarie dan Mualij (perawat pengubatan Islam).

Mereka yang dilantik ini mempunyai kemahiran dan kepakaran yang bersesuaian dalam mengendalikan kesesuaian yang ada seiring dengan konsep pengukuhan kerohanian bagi merawat rohani, emosi dan seterusnya melahirkan tingkah laku ke arah yang lebih baik.

Kaedah yang pelbagai ini disediakan adalah bagi memudahkan orang awam memilih cara yang dirasakan selesa bagi mendapatkan perkhidmatan ini.

Perkhidmatan yang disediakan ini adalah menjurus kepada menyantuni masyarakat dari sudut kekuatan kerohanian.

Ianya terdiri dari Kaunseling Syarie, Terapi Psikospiritual Islam dan juga 'Ilaj Syarie (rawatan pengubatan Islam).

Di samping membantu masyarakat dari sudut sokongan bantuan/sumbangan, persoalan hukum syarak, berkaitan Undang-Undang Keluarga Islam dan lain-lain.

Pelbagai cara untuk kita menangani stres secara semulajadi dan ianya adalah percuma.

Antaranya adalah tidur yang cukup, lakukan senaman dan riadah, makan makanan yang berkhasiat, terapi diri dengan hobi yang disukai, berusaha untuk berbaik sangka dan berfikiran positif, lazimnya membaca Al-Quran dan terjemahannya, dan istiqamah dalam amalan berzikir.

Jika kita rasakan diri atau orang sekeliling kita perlu dibantu, maka carilah orang yang boleh dipercayai atau talian yang disediakan oleh pelbagai pihak untuk membantu anda berkongsi rasa dan meluahkan apa yang terpendam.

Jangan sesekali memendam rasa sehingga anda rasa sakit dan tanggung sendirian.

Justeru, JAKIM dengan talian perkhidmatan yang diwujudkan bersedia menyantuni anda. Tangan dihulur, bantuan disalur.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA DALAM E-PAPER

KADAR HARGA IKLAN (E-PAPER)

FULL PAGE		26cm X 33cm	RM500
HALF PAGE		26cm X 17cm	RM300
QUARTER PAGE		12cm X 17cm	RM200
PANEL PAGE [INNER]		26cm X 6cm	RM200

KADAR HARGA IKLAN (PORTAL ONLINE)

Wilayah Ku	FRONT BANNER 1080px X 96px	RM2,500
	MIDDLE BANNER 1080px X 280px	RM2,000
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px	RM1,500
	HALF PAGE 350px X 500px	RM1,000

DITERBITKAN 2 KALI SEMINGGU

MENCAPAI 200,000 PEMBACAA SETIAP EDISI

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)
Pengurus Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)
Eksekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)
Alamat:
Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.

420,000 Bakul Prihatin bakal diagihkan

SEBANYAK 1,017 penerima melibatkan 3,391 isi rumah, telah mendapat manfaat daripada Bakul Prihatin Negara (BPN) yang digerakkan oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 15 Julai lalu.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam kenyataan memaklumkan, penerima terlibat adalah dari 48 daerah di 11 negeri, yang mengemukakan permohonan menerusi tiga saluran yang diaktifkan di bawah kementerian itu.

Berdasarkan statistik terkini pelaksanaannya, Kedah merupakan negeri paling tinggi merekodkan penerima, iaitu dengan seramai 279 orang.

Lima daerah yang mencatatkan penerima terbanyak di negeri tersebut ialah Baling dengan 59 orang, diikuti Kota Setar (53), Langkawi (40), Kubang Pasu (38) dan Pendang (23).

Program turut memanfaatkan seramai 738 penerima meliputi 31



Sumber: Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat (KPWKM) Datuk Seri Rina Mohd Harun

daerah di 10 negeri iaitu Kelantan, Negeri Sembilan, Perak, Sabah, Sarawak, Perlis, Selangor, Johor,

Terengganu dan Kuala Lumpur. Program itu, secara keseluruhannya, melibatkan

pengagihan 420,000 bakul bantuan barang keperluan kepada 1.68 juta rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Pejabat Perdana Menteri dan sektor korporat memperuntuk dan menyumbang masing-masing RM5 juta dan RM16 juta, untuk pelaksanaannya di seluruh negara.

Sementara itu, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kebajikan Kedah Halimaton Shaadiah Saad berkata, sebanyak 2,400 bakul makanan program itu akan diagihkan secara berperingkat, di semua daerah di negeri itu.

"Ada daerah yang diperuntukkan 200 bakul makanan dan ada daerah akan dapat 100 bakul makanan," katanya.

Beliau berkata, pemberian bakul makanan itu diharapkan sedikit sebanyak dapat meringankan beban golongan yang terkesan di Kedah, dengan situasi pandemik COVID-19 pada masa ini, sekali gus turut menunjukkan kerajaan sentiasa berusaha sebaik mungkin, untuk memasti-

kan rakyat yang terjejas diberikan bantuan sewajarnya.

Di Melaka pula, sebanyak 2,600 bakul makanan akan diagihkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di seluruh daerah di negeri itu, secara berperingkat mulai hari ini.

Pengarahnya Burhanuddin Bachik berkata, sebagai permu- laan 600 BPN telah diagihkan sejak semalam di ketiga-tiga daerah di negeri itu.

"Sebagai pecahan agihan, Melaka Tengah akan menerima 1,000 BPN manakala masing-masing 800 bagi daerah Jasin dan Alor Gajah," katanya ketika dihubungi Bernama.

Katanya agihan bakul akan dilaksanakan dalam tempoh 24 jam aduan diterima, kepada penerima yang memerlukan bantuan untuk kelangsungan hidup mereka.

Tambah beliau, jadual agihan adalah berdasarkan jumlah permohonan menerusi Talian Kasih atau Bilik Gerakan JKM serta rujukan pemimpin masyarakat.



Banduan Penjara Labuan mula terima suntikan vaksin

SEBANYAK 180 banduan di Penjara Labuan mula mendapatkan suntikan vaksin dos pertama Isnin lalu, menurut Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan Dr Ismuni Bohari.

"Langkah pemberian vaksin ini sebagai usaha mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 dalam kalangan banduan, petugas dan tahanan," katanya kepada Bernama hari ini.

Beliau berkata kluster Tembok Labuan membabitkan petugas penjara dan banduan adalah sebanyak 194 kes sehingga hari ini.

"Masih ada sebilangan kecil banduan yang belum mendapatkan suntikan hari ini kerana menunjukkan gejala ringan dan diletakkan di bawah pemeriksaan," katanya.

Dr Ismuni berkata kesemua banduan berpeluang untuk menerima suntikan vaksin kerana vaksin sudah disediakan buat mereka yang mahu mendapatkannya.

Pengarah Pusat Koreksional Labuan Abd Rauf Lang Pasih berkata langkah pemberian vaksin berjalan lancar membabitkan 90 peratus daripada jumlah 200 orang yang dipenjarakan.

"Mereka yang belum mendapatkan suntikan hari ini, akan disuntik pada tarikh lain," katanya.

Abd Rauf berkata kesemua 119 petugas telah melengkapkan dua dos suntikan vaksin dan usaha sedang dilakukan agar ahli keluarga petugas yang belum divaksinasi mendapat suntikan segera.

Proses pemberian vaksin di penjara agak perlahan susulan tercetusnya kluster Tembok Labuan, yang baharu sahaja tamat Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) baru-baru ini.

Labuan mencapai kejayaan dalam pengedaran dan pengurusan vaksin COVID-19 melebihi 90 peratus yang diberikan kepada penduduk tempatan dan pekerja sektor minyak dan gas serta kru perkapalan.

Sehingga hari ini, Labuan telah mencapai kejayaan dalam pengedaran dan pengurusan vaksin COVID-19, melebihi 90 peratus yang diberikan kepada penduduk tempatan, pekerja sektor minyak dan gas serta petugas sektor perkapalan.

Portal rasmi sempena HKHM 2021 semarak semangat patriotisme

JABATAN Penerangan Malaysia (Jepen) selaku Urus Setia Jawatankuasa Media dan Publisiti Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2021 telah membangunkan satu laman khas iaitu www.merdeka360.my sebagai portal rasmi sambutan dua sambutan itu pada tahun ini.

Jepen dalam satu kenyataan hari ini memaklumkan portal itu berperanan sebagai pusat sebenarni dalam menyampaikan informasi berkaitan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2021 meliputi maklumat seperti siaran media dan teks ucapan serta bahan promosi seperti logo.

Selain itu, ia juga digunakan untuk menyampaikan maklumat mengenai aktiviti sempena sambutan HKHM 2021 anjuran syarikat berkaitan kerajaan, pihak berkua-

sa tempatan dan syarikat swasta selain memaklumkan senarai program, pertandingan dan acara khas HKHM 2021 yang akan berlangsung.

Dalam pada itu, Jepen turut mengadakan hebahan maklumat di media sosial melalui akaun Facebook, Instagram dan Twitter di @merdeka360.

"Semua saluran ini merupakan platform rasmi yang bertujuan untuk menggalakkan penyertaan orang awam seterusnya bersama-sama membantu menyebarluas program dan acara HKHM 2021."

Penganjuran program dan acara ini juga secara tidak langsung dapat menyemarakkan serta menggelorakan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia," menurut kenyataan itu.



Harap COVID-19 segera berakhir

Mulhim sedia beraksi di MPFL 2021

AINI MAWAWI

ATLET futsal **Mulhim Muqri Faisal**, 23, mengakui tidak sabar untuk mempamerkan aksi pada Liga Primier Futsal Malaysia (MPFL) 2021 yang dijangka berlangsung seawal September depan.

Dia yang hampir dua tahun tidak berpeluang beraksi gara-gara wabak COVID-19 berharap dapat mempamerkan aksi bermutu untuk memastikan dirinya berjaya ke peringkat tertinggi dalam kejohanan futsal di Malaysia.

"Saya berharap agar situasi kembali pulih dan kejohanan dapat diteruskan. Sejurnya saya turut berasa murung kerana tidak dapat menyertai perlawanan seperti sebelum ini," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Pemain di posisi 'ala' ini berkata, sepanjang tempoh hampir dua tahun kebelakangan ini, dia



hampir kehilangan semangat dan berhasrat untuk berhenti bermain futsal.

"Apabila perasaan kecewa datang, saya terpaksa cepat positifkan minda dengan cara menonton semula video-video jaringan saya antaranya semasa MPFL 2019 dan di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT).

"Dengan cara itu dapat mengembalikan semula semangat dan seterusnya membuat latihan bagi mengekalkan stamina sekali gus prestasi diri," ujar pelajar Politeknik Metro Kuala Lumpur ini.

Turut berpesan kepada atlet di luar sana agar tidak terlalu tertekan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, Mulhim berkata kesihatan minda paling penting untuk menentukan arah pemain itu sendiri.

"Terus melakukan latihan untuk meningkatkan perseimbahan masing-masing. Kalau boleh



MULHIM hampir kehilangan semangat untuk beraksi.

kena rajin buat latihan bersama rakan-rakan secara dalam talian.

"Dengan cara ini, secara tidak langsung dapat mengurangkan tekanan kerana terlalu lama duduk di rumah," ujarnya yang mewakili

pasukan Selangor Tot United dalam MPFL 2021 akan datang.

Menggunakan kaki kiri sebagai kaki utama sama seperti pemain idolanya, Ricardinho dari kelab Inter Movistar di Sepanyol,

Kejayaan **Mulhim Muqri**

2018 - MPFL

2018/2019/2021 (Juara)

2017 - Kejohanan AFC U20 - Tim Kebangsaan

2017 - Rafhely Spec Cup VII
2017 - Ketiga (Tim Politeknik Malaysia)

2018 - Sukma Perak 2018 - Juara (Tim Wilayah)

Instagram: @mulhimmuqri

Mulhim ingin berusaha untuk sampai ke tahap terbaik seperti yang digapai oleh pemain tersebut.

"Insya-Allah suatu hari nanti saya akan bergelar pemain hebat seperti dirinya," ujar anak kelahiran Selayang yang mula bermain ketika usia 11 tahun. **WK**

Setiausaha Agung MOM harap sukan terjun, badminton, berbasikal menang banyak pingat

SETIAUSAHA Agung Majlis Olimpik Malaysia (MOM) **Datuk Mohd Nazifuddin Najib** berharap sukan seperti terjun, badminton, berbasikal trek terus menyumbang pingat buat Malaysia pada Sukan Olimpik.

Pada Rio 2016, Malaysia meraih tiga pingat perak dalam sukan badminton, satu perak (terjun) dan satu gangsa (berbasikal), ia pencapaian terbaik dalam Olimpik setakat ini.

Malah, Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican baru-baru ini berkata sukan berkenaan mewakili aspirasi utama negara untuk membawa pulang pingat emas Olimpik.

Menjelang temasya Olimpik Tokyo yang secara rasmi akan bermula Jumaat ini, Mohd Nazifuddin berkata jika atlet daripada tiga sukan berkenaan membawa pulang pingat dari Tokyo, Jepun, ia akan menjadi petunjuk bahawa mereka telah mencapai tahap kematangan dalam sukan.

"Saya gembira sekiranya mereka dapat pulang bersama pingat, dan saya berharap mereka akan terus menyumbang kepada pungutan pingat pada Sukan Olimpik," katanya menerusi video yang dikongsikan



MOHD NAZIFUDDIN

kepada media.

Bagaimanapun, oleh kerana persaingan menjadi semakin sukar Mohd Nazifuddin tidak menolak kemungkinan sukan lain akan muncul lebih baik dan kuat pada masa hadapan.

Sementara itu, beliau berkata peranan yang mencabar digalas setiap ketua kontinen (CDM) untuk Olimpik Tokyo berikutnya pandemik COVID-19.

"Semua perlu dilakukan secara maya. Saya rasa ini adalah proses pembelajaran untuk semua. Temasya kali ini bersejarah kerana Sukan Olimpik akan diadakan di tengah-tengah pandemik," katanya.

Mohd Nazifuddin menguruskan atlet di Tokyo dan membantu ketua kontinen Malaysia Datuk Lee Chong Wei dari sana, kerana Chong Wei tidak dibenarkan melakukan perjalanan kerana masalah kesihatan.

Chong Wei akan melakukan tugasnya dari tanah air menerusi interaksi secara dalam talian dengan atlet dan pegawai di Jepun.

Sebanyak 30 atlet akan mewakili Malaysia dalam 27 acara merangkumi 10 sukan di Olimpik Tokyo. - BERNAMA

LIGA-M: Lima pasukan kembali beraksi di gelanggang asal

MENJELANG saingan Liga Super yang kembali bersambung Sabtu ini, tiga pasukan iaitu Selangor FC, Petaling Jaya (PJ) City FC dan UiTM FC masing-masing dibenarkan kembali menggunakan gelanggang tuan rumah dalam menamatkan baki kempen musim ini.

Dalam kenyataan Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) hari ini, Ketua Pegawai Eksekutifnya **Datuk Ab Ghani Hassan** mengesahkan Selangor FC dan PJ City FC masing-masing kembali beraksi di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sementara UiTM FC di Stadium UiTM, Shah Alam.

Beliau berkata keputusan itu dibuat setelah kerajaan menamatkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pada masa sama, Ab Ghani berkata selain tiga pasukan itu, dua pasukan Liga Premier iaitu Negeri Sembilan FC dan Skuad Projek FAM-MSN masing-masing turut dibenarkan kembali beraksi di venue asal di Stadium Tuanku Abdul Rahman di Paroi dan Stadium UiTM.

"Berdasarkan perkembangan terkini diumumkan kerajaan, pasukan yang sebelum ini berada di kawasan PKPD kini dibenarkan menggunakan venue masing-masing selepas PKPD ditamatkan termasuk daerah Seremban petang ini untuk membolehkan Stadium Tuanku Abdul Rahman digunakan pasukan Negeri Sembilan FC," katanya.

"Ini sudah pasti berita yang menggembirakan buat pasukan terabit memandangkan sebelum ini mereka tidak dibenarkan beraksi di venue dalam kawasan PKPD dan



diminta mencari venue lain," katanya.

Sementara itu, perkembangan terkini menyaksikan perlawanan di antara UiTM FC melawan Perak FC yang sebelum ini dijadualkan pada 8 Ogos ini di Stadium Majlis Perbandaran Manjung diawalkan sehari di Stadium UiTM.

Selain itu, Ab Ghani berkata MFL telah mengemukakan permohonan bagi mendapatkan kebenaran khas kepada pasukan Liga Malaysia susulan prosedur operasi standard (SOP) Fasa 2 di Sabah yang menyaksikan individu memasuki negeri itu perlu menjalani kuarantin selama 14 hari.

"Kami berharap, permohonan bagi mendapatkan kebenaran khas dari Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah akan diluluskan," katanya.

Ab Ghani juga berterima kasih kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak yang membenarkan pasukan Sarawak United FC dan Kuching City FC berlatih secara fizikal selain kebenaran beraksi di Stadium Negeri, Kuching buat kali pertama musim ini. - BERNAMA



RumahPrihatin ambil berat situasi petugas kesihatan

AZLAN ZAMBRY

INISIATIF DapurPrihatin yang menyumbangkan kira-kira 500 pak makanan bermasak untuk petugas kesihatan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) dapat menyuntik semangat para petugas untuk meneruskan perkhidmatan mereka merawat pesakit COVID-19.

Pengarah HKL, Dr Rohana Johan berkata, inisiatif yang ditunjukkan ini merupakan satu usaha murni kerana ia memaparkan bahawa semua pihak sentiasa memberikan sokongan kepada petugas kesihatan dalam memberikan khidmat kepada negara.

"Alhamdulillah, sebagai pengarah saya merasa amat terharu dan kita merasa bahawa RumahPrihatin mengambil tahu dan mengambil berat mengenai petugas yang sentiasa bekerja 24 jam menjaga pesakit-pesakit COVID-19 di sini.

"Dengan sedikit sumbangan ini ia akan menyuntik semangat untuk bertugas dengan bersungguh-sungguh dan lebih bertengah dengan makanan yang disediakan," katanya kepada Wilayahku selepas menerima pak makanan yang diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yaysan Wilayah Persekutuan (YWP) Datuk Zaizalnizam Zainun di sini hari ini.

Rohana berkata, bagi pihak HKL, pihaknya terbuka dalam menerima sumbangan daripada pelbagai pihak dan turut mempunyai badan yang mengu-



USAHA RumahPrihatin dalam menyumbangkan pak makanan bermasak adalah selari dengan nilai kecaknaan seperti yang diilhamkan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa.

ruskan sumbangan tersebut.

"Sumbangan ini mungkin berbentuk makanan, peralatan perubatan dan air mineral.

"Sumbangan-sumbangan ini tidak terhad untuk kegunaan petugas hospital, bahkan ia turut diberikan kepada pesakit yang mungkin memerlukan," katanya.

Sementara itu, Zaizalnizam berkata, usaha RumahPrihatin dalam menyumbangkan pak makanan bermasak adalah selari dengan nilai kecaknaan seperti yang diilhamkan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa.

Jelasnya, sumbangan ini dilakukan untuk meraikan petugas kesihatan sempena Hari Raya Aidiladha dan memperkenalkan program-program yang dilaksanakan di RumahPrihatin.

"Kita harap sumbangan ini dapat menceriakan petugas-petugas ini yang sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik meskipun berhadapan dengan risiko jangkitan COVID-19.

"Mereka juga ditawarkan untuk menginap di BilikPenginapanPrihatin untuk berehat seketika sebelum pulang ke rumah," katanya. WK

McDonald's anjur Program Musaadah Korban Perdana

MCDONALD'S Malaysia dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, dan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Datuk Haji Mohd Ajib Ismail, turut hadir semasa agihan daging korban bagi Program Musaadah Korban Perdana di McDonald's Putrajaya, Presint 2.

Malalui program ini, McDonald's Malaysia akan menyumbangkan sebanyak 12 ekor lembu, dan pembahagian daging akan diagihkan kepada kira-kira 1,000 golongan yang memerlukan, akibat pandemik COVID-19.

"Kami berharap agihan daging korban ini dapat meringankan beban mereka yang terlibat. Besar harapan kami agar mereka juga dapat merayakan Hari Raya Aildiladha pada tahun ini dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran.

Program korban perdana yang dilakukan ini juga adalah sebahagian daripada usaha kami dalam mewujudkan impak positif dalam masyarakat di bawah Program Komuniti @ McDonald's & RMHC. Menyumbang kepada golongan yang memerlukan merupakan nilai teras syarikat yang sentiasa diutamakan," kata Pengarah Urusan dan Rakan Operasi Tempatan, McDonald's Malaysia, Azmir Jaafar.

Menyertai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, dan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Datuk Haji Mohd Ajib Ismail, turut hadir semasa agihan daging korban bagi Program Musaadah Korban Perdana di McDonald's Putrajaya, Presint 2.

"Program Musaadah Korban Perdana ini adalah sebahagian daripada inisiatif Musaadah yang dimulakan oleh Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) bagi membantu rakyat yang memerlukan dan terkesan akibat pandemik COVID-19.

Inisiatif ini dilaksanakan di seluruh negara melibatkan kerjasama Agensi Mengurus Zakat, Majlis Agama Islam di setiap negeri dan mana-mana pihak yang menyalurkan bantuan. Khusus sempena sambutan Aildiladha, kami amat berterima kasih atas kesudian pihak McDonald's Malaysia untuk turut serta menjayakan program pada Rabu.

Semoga lebih banyak organisasi atau syarikat korporat dapat tampil ke hadapan untuk bersama-sama kita dalam melakukan kebajikan," kata Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

RumahPrihatin@GrandSeasons antara langkah terbaik cegah kejadian bunuh diri - Alyah

DEEL ANJER

SEJAK berlakunya pandemik COVID-19, kes cubaan dan bunuh diri disebabkan tekanan situasi semasa dilaporkan meningkat.

Disebabkan itu, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) memandang serius terhadap kesihatan mental yang semakin membimbangkan akhir-akhir ini.

Antara usaha yang dilakukan KWP adalah mewujudkan hotel kebajikan iaitu RumahPrihatin@GrandSeasons yang menyediakan Khidmat Kesihatan Mental Prihatin (KKMP).

KKMP memainkan peranan dalam isu kesihatan mental di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dengan mewujudkan khidmat kaunseling bersama kaunselor berdaftar.

Bagi penyanyi popular Alyah atau nama sebenarnya Noor Haslia Abu Hasan, sokongan kerajaan sangat penting dalam memastikan kesihatan mental rakyat berada dalam keadaan

terkawal.

"Masalah mental bukanlah perkara main-main. Jangan anggap itu tidak penting. Silap hari bulan, pesakit boleh bertindak luar kawalan sehingga merosakkan diri.

"Tidak dinafikan, masalah mental semakin membimbangkan apabila ramai yang terkesan dengan pandemik COVID-19.

"Tidak semua orang boleh terima situasi kehilangan pekerjaan secara mendadak, tiada punca pendapatan, masalah rumah tangga dan sebagainya.

"Apabila mental tidak dapat dikawal dan tiada sokongan, itulah antara punca bunuh diri berlaku. Sedih apabila dengar banyak kes bunuh diri dilaporkan.

"Jadi, kewujudan KKMP melalui RumahPrihatin@GrandSeasons amatlah bertepatan dengan situasi sekarang kerana rumah ia mampu mencegah kes bunuh diri daripada terus berlaku.

"Klinik percuma untuk mereka yang mempunyai

masalah mental antara cara terbaik," jelas Alyah yang popular menerusi lagi Thank You Allah.

Bagi isteri kepada Pengarah muzik Datuk Ramli MS ini, pesakit mental tidak perlu bimbang kerana doktor akan menjaga rahsia pesakit.

"Saya tahu, mungkin ada yang risau jika apa yang diluahkan di KKMP akan terbongkar atau diketahui orang lain.

"Pesakit tidak perlu risau kerana kaunselor dan doktor bertauliah akan menjaga kerahsiaan mereka dan khidmat itu ditawarkan secara percuma demi keselamatan warga Wilayah Persekutuan," ujarnya lagi.

Selain KKMP, komponen lain yang ditawarkan RumahPrihatin@GrandSeasons adalah Dapur Prihatin, Bilik Penginapan Prihatin, Khidmat Vaksinasi Prihatin (KVP), Pusat Gerakan Jejak Prihatin dan bank makanan. WK

